



LAPORAN TAHUNAN

A N N U A L R E P O R T

2021

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)
HIGHWAY AUTHORITY MALAYSIA



LAPORAN
TAHUNAN
A N N U A L R E P O R T

2021

Copyright © 2021





Publisher
Lembaga Lebuhraya Malaysia

All rights reserved. No part, article, illustration or content may be reproduced in any form or by any means, electronic, photocopying, mechanical, recording or otherwise, without the prior written permission.



Diterbitkan oleh:
Lembaga Lebuhraya Malaysia,
KM-6, Jalan Serdang-Kajang,
43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia
Tel: 603-8738-3000
Fax: 603-87373555
Emel: korporat@llm.gov.my

Hotline Info Trafik: 1800-88-7752

-  Lembaga Lebuhraya Malaysia
-  @LLMrasmi / @LLMtrafik
-  LLMrasmi
-  Lembaga Lebuhraya Malaysia



 www.llm.gov.my

ISI KANDUNGAN

TABLE OF CONTENT

MAKLUMAT KORPORAT <i>CORPORATE INFORMATION</i>	1
PERUTUSAN PENERUSA <i>CHAIRMAN'S STATEMENT</i>	27
PENYATAAN KETUA PENGARAH <i>DIRECTOR GENERAL'S STATEMENT</i>	33
LAPORAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA <i>KEY PERFORMANCE INDICATOR REPORT</i>	39
LAPORAN PRESTASI <i>PERFORMANCE REPORT</i>	47
PROJEK LEBUH RAYA DALAM PEMBINAAN <i>HIGHWAY PROJECTS UNDER CONSTRUCTION</i>	85
LAPORAN PRESTASI KEWANGAN <i>FINANCIAL PERFORMANCE REPORT</i>	99
PENYATA KEWANGAN <i>FINANCIAL STATEMENT</i>	103
PENERBITAN GARIS PANDUAN <i>PUBLICATION GUIDELINES</i>	153
PERISTIWA & AKTIVITI <i>EVENTS & ACTIVITIES</i>	157





**MAKLUMAT
KORPORAT**
*CORPORATE
INFORMATION*

▶ MAKLUMAT KORPORAT CORPORATE INFORMATION



AKTA LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1980 *HIGHWAY AUTHORITY MALAYSIA (INCORPORATION) ACT 1980*

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) yang telah ditubuhkan mengikut Undang-Undang Malaysia, Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Pemerbadanan) 1980 (Akta 231). Tujuan penubuhan LLM adalah untuk menyelia dan melaksanakan reka bentuk, pembinaan, pengawalseliaan, pengendalian dan penyenggaraan lebuhraya antara bandar, mengenakan dan memungut tol, membuat kontrak dan membuat peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

The Highway Authority Malaysia (HAM), is a federal statutory agency under the Ministry of Works, that was established in accordance with the Laws of Malaysia Act 231 Highway Authority Malaysia (Incorporation) Act 1980. The HAM was established to supervise and execute the design, construction, regulation, operation and maintenance of inter-urban highways, to impose and collect tolls, to enter into contracts and to provide for matters connected therewith.

► OBJEKTIF OBJECTIVE

- a) Untuk merancang, mereka bentuk, memaju, mengendali dan menyelenggara rangkaian lebuh raya yang moden serta lengkap dengan segala kemudahan dan keperluan bagi:-
- a) *To plan, design, develop, manage and maintain a network of modern highways equipped with sufficient facilities for the purpose of:-*



- i. mengadakan suatu sistem pengangkutan jalan raya yang cepat, selamat dan cekap untuk negara secara keseluruhannya;**
providing a fast, safe and efficient transportation system on a national scale;

- ii. menghubungkan ke semua pekan utama yang sedia ada serta kawasan yang mempunyai potensi pembangunan ekonomi, budaya dan sosial serta perpaduan negara; dan**
connecting all existing major towns and their surroundings with potential for economic, cultural, social development and national unity; and



- iii. membolehkan suatu sistem pengangkutan jalan raya awam antara bandar yang berkesan diadakan di seluruh negara.**
enabling an effective inter-urban public road transport system throughout the country.

- b) Untuk melatih kakitangan dan seterusnya memajukan kepakaran mereka dalam semua aspek yang berkaitan dengan pembangunan, pengendalian dan penyelenggaraan lebuh raya.
- b) *To enhance employee skills and expertise through training in all aspects relating to the development, operation and maintenance of highways.*

► FUNGSI FUNCTION

Menurut Akta 231, Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Pemerbadanan) 1980, fungsi penubuhan Lembaga adalah seperti berikut:-

With reference to Act 231, Highway Authority Malaysia (Incorporation) Act 1980, the functions of the Authority are as follows:-



Menyelia dan melaksanakan reka bentuk, pembinaan dan penyenggaraan lebuh raya sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan;

To supervise and execute the design, construction and maintenance of highways as determined by the Federal Government;

Menyelia dan melaksana reka bentuk, pembinaan dan penyenggaraan kawasan rehat dan rawat dan kemudahan lain yang difikirkan perlu di sepanjang lebuh raya sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan;

To supervise and execute the design, construction and maintenance of rest and service areas and other facilities that may be deemed necessary along highways as determined by the Federal Government;



Memungut tol daripada pengguna lebuh raya dan bayaran lain dari kemudahan di sepanjang lebuh raya;

To collect toll from highway users and other dues from facilities along highways;

Merancang dan menjalankan penyelidikan untuk memastikan penggunaan lebuh raya yang cekap dan kemudahan lain di sepanjang lebuh raya; dan

To plan and carry out research to ensure efficient utilization of highways and other facilities along highways; and



Secara amnya melakukan apa-apa jua perkara untuk memajukan lagi dan menggunakan dengan wajar lebuh raya dan kemudahan lain di sepanjang lebuh raya.

To execute initiatives for the betterment and proper use of highways and other facilities along highways in general.

► VISI VISION

Menjadikan Lembaga Lebuhraya Malaysia bertaraf dunia dalam pembangunan, pengurusan dan kawalseliaan lebuhraya.

To be world class in highway development, management and regulatory affairs.



► MISI / MISSION

a.

Melaksanakan pembangunan, pengurusan dan pengawalseliaan lebuhraya yang meliputi perancangan, reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyenggaraan lebuhraya tol yang berkualiti mengikut piawaian antarabangsa;

To undertake the development, maintenance and regulation of highways including the planning, design, construction, operation and maintenance of high-quality toll highways in accordance with international standards;

b.

Memberikan perkhidmatan lebuhraya yang cekap, selesa dan selamat serta memenuhi kepuasan pelanggan;

To provide highway services that are efficient, comfortable and safe with the highest level of customer satisfaction;

c.

Memastikan keperluan sosial dan alam sekitar dipenuhi; dan

To ensure the needs of the society and environment are fully met; and

d.

Menjadi pakar rujuk dalam pembangunan dan pengurusan lebuhraya tol.

To be an expert referral organization in the development and management of toll highways.

▶ PIAGAM PELANGGAN CLIENT'S CHARTER

Kami bertekad untuk memberi perkhidmatan profesional yang berkualiti dalam pengesanan dan penyeliaan pembinaan serta operasi lebuh raya tol bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna-pengguna selaras dengan standard ISO 9001:2015, ISO 14001:2015, ISO 45001:2018 & MS 1722:2011, ISO/IEC 27001:2013, ISO 39001:2012 dan ISO 37001:2016.

We strive to provide quality and professional services in monitoring and supervising the construction and operation of toll highways in line with ISO 9001:2015, ISO 14001:2015, ISO 45001:2018 & MS 1722:2011, ISO/IEC 27001:2013, ISO 39001:2012 and ISO 37001:2016, in order to guarantee the safety and comfort of users.

Dalam melaksanakan tugas dan fungsi ini LLM berjanji akan:-
In fulfilling these duties and functions, the HAM promise to:-

membuat bayaran dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan Borang H yang lengkap serta terdapat peruntukan kewangan;
ensure payment is made within fourteen (14) working days from receipt date of completed Form H, subject to availability of financial provisions;

a)

mengemukakan kertas perakuan permohonan baharu mendirikan paparan iklan di dalam rezab lebuh raya untuk kelulusan Menteri Kerja Raya dalam tempoh 40 hari bekerja setelah ulasan lengkap dan betul diterima daripada Pejabat Wilayah LLM dan syarikat konsesi lebuh raya;
submit certificate of new application to set up advertisement boards within the highway for the approval of the Minister of Works within forty (40) working days after a complete and correct review is received from the HAM regional office and the highways concessionaires;

c)

menyerahkan tanah kepada syarikat konsesi dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh penerimaan Borang K yang lengkap;
hand over acquired land to concessionaires within five (5) working days from receipt date of completed Form K;

b)

memastikan maklum balas awal terhadap aduan yang diterima dimaklumkan terus kepada pengadu, jika boleh dihubungi dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

ensure the early notification of complaint received directly from the complainant is informed promptly, subject to being contactable within three (3) working days.

e)



mengemukakan kertas perakuan permohonan baharu pembangunan di tepi lebuhraya untuk kelulusan Menteri Kerja Raya dalam tempoh 42 hari bekerja; dan

d)

submit certificate of new application of the highway roadside development for the approval of Minister of Works within forty-two (42) working days; and

► MESYUARAT LEMBAGA / BOARD MEETING

Mengikut sub perenggan 2(2) Jadual kepada Akta 231, Lembaga Lebuhraya Malaysia (Pemerbadanan) 1980, Lembaga perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya setiap 3 bulan. Selaras dengan itu, Mesyuarat Lembaga telah diadakan sebanyak empat (4) kali pada tarikh-tarikh berikut:

Pursuant to sub-paragraph 2(2) Schedule of Act 231, Highway Authority Malaysia (Incorporation) Act 1980, the Board is required to hold a meeting at least every three (3) months. In line with this, four (4) Board Meetings were held on the following dates:-

Bil. 1/2021: 18 Januari 2021
No. 1/2021: 18 January 2021

**Mesyuarat
Lembaga**
*Board
Meeting*

Bil. 3/2021: 13 Julai 2021
No. 3/2021: 13 July 2021

Bil. 2/2021: 8 April 2021
No. 2/2021: 8 April 2021

Bil. 4/2021: 12 Oktober 2021
No. 4/2021: 12 October 2021

► PELAN STRATEGIK LLM (2021-2025) HAM STRATEGIC PLAN (2021-2025)

LLM adalah agensi di bawah KKR yang bertanggungjawab untuk mengawalselia pembangunan dan pengurusan lebuhraya bertol di Malaysia. Di samping itu, penubuhan LLM juga adalah untuk melatih kakitangan dan seterusnya memajukan kepakaran mereka dalam semua aspek yang berkaitan dengan pembangunan, pengendalian dan penyenggaraan lebuhraya.

HAM is an agency under the Ministry of Works responsible for regulating the development and management of toll highways in Malaysia. In addition, the HAM was also established to train employees and further enhance their skills and expertise in all aspects related to highway development, management and maintenance.

LLM telah melaksanakan peranan penting dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan lebuhraya bertol di Malaysia. Komitmen LLM semenjak 41 tahun dalam menjayakan Dasar Penswastan yang menjadi pemangkin kepada pembangunan rangkaian lebuhraya bertol telah menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi, sosial serta kesejahteraan negara.

HAM has performed an important role in the planning, development and management of toll highways in Malaysia. HAM commitment for 41 years in making the Privatization Policy a success, which is the catalyst for the development of the toll highway network, has contributed towards the economic, social and well-being of the country.

Selaras dengan Visi untuk menjadikan LLM bertaraf dunia dalam pembangunan, pengurusan dan kawalseliaan lebuhraya, Pelan strategik LLM 2021-2025 ini memfokus kepada peringkat perancangan, reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyenggaraan

In line with the Vision to make HAM world-class in highway development, management and regulation, the HAM 2021-2025 strategic plan focuses on the stages of planning, design, construction, operation and maintenance as well

serta pembangunan pengurusan organisasi. Pelan ini juga telah menerapkan perancangan lebuh raya yang holistik dan bersepadu, konsep pembangunan hijau, penggunaan sistem dan teknologi serta pemerksaan modal insan.

Enam (6) teras strategik yang merangkumi 21 strategi dan 53 pelan tindakan telah ditetapkan seperti berikut:-

as organizational management development. This plan has also applied holistic and integrated highway planning, the concept of green development, the use of systems and technology and the empowerment of human capital.

Six (6) strategic thrusts consisting of 21 strategies and 53 action plans have been set as follows:-



Teras Strategik 1 Strategic Thrust 1

Memperluaskan keterhubungan di antara wilayah dan penggunaan teknologi dalam pembangunan lebuh raya.

Expand connectivity between regions and the use of technology in highway development.



Teras Strategik 2 Strategic Thrust 2

Memperkasa pemantauan dan kualiti pengurusan pembinaan lebuh raya.

Strengthen the monitoring and management quality of highway construction.



Teras Strategik 3 Strategic Thrust 3

Mempertingkatkan kualiti operasi dan penyenggaraan lebuh raya bagi meningkatkan kepuasan pelanggan.


Improve the quality of highway operation and maintenance to increase customer satisfaction.



Teras Strategik 4 Strategic Thrust 4

Mengoptimumkan penggunaan teknologi *Radio Frequency Identification* (RFID) di plaza tol.

Optimize the use of Radio Frequency Identification (RFID) technology at toll plazas.



Teras Strategik 5 Strategic Thrust 5

Memantapkan pengurusan lebuh raya tamat konsesi.

Strengthen the management of highways at the end of the concession.



Teras Strategik 6 Strategic Thrust 6

Memantapkan dasar dan pengurusan organisasi dalam melonjakkan kecemerlangan LLM.

Strengthen organisation policies and management to boost HAM's excellence.

Pelan Strategik ini merupakan huraian strategi dan program jangka panjang yang menyeluruh untuk mencapai matlamat, visi dan misi LLM. Pelan Strategik ini juga bertujuan mewujudkan kebersamaan dan koordinasi antara Bahagian/Pejabat Wilayah di LLM supaya setiap strategik dapat direalisasikan.

This Strategic Plan is a comprehensive strategy description and long-term program to achieve the goals, vision and mission of HAM. This Strategic Plan also aims to create togetherness and coordination between Divisions/Regional Offices at HAM so that each strategy can be realized.

▶ PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) LLM 2022-2026 *ORGANIZATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP) HAM 2022-2026*


Pelan Antirasuah Nasional (NACP) telah mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh tiga agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia (IIM). Selain itu, NACP juga mewajibkan sektor awam untuk mendapatkan Pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ABMS) ISO 37001:2016. Justeru, pada 12 September 2019, LLM telah berjaya mendapatkan Pensijilan ABMS ISO 37001:2016. Pensijilan ini memastikan LLM mempunyai sistem pengurusan yang efektif dalam mencegah, mengesan dan menangani rasuah yang boleh berlaku dalam sesebuah organisasi.

Pada 2 Disember 2021, OACP LLM 2022 - 2026 telah dilancarkan oleh YB Menteri Kanan Kerja Raya sebagai rujukan dan panduan utama bagi LLM menangani isu-isu dalaman seperti kelemahan integriti tadbir urus dan antirasuah. Kerangka OACP LLM 2022 - 2026 adalah seperti berikut:-

The National Anti-Corruption Plan (NACP) has mandated the public sector to develop an Organizational Anti-Corruption Plan (OACP) with the assistance of three agencies namely the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), the National Governance, Integrity and Anti-Corruption Center (GIACC) and the Malaysian Integrity Institute (IIM). In addition, NACP also obliges the public sector to obtain ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) Certification. Therefore, on 12 September 2019, HAM has successfully obtained ABMS ISO 37001:2016 Certification. This certification ensures that HAM has an effective management system in preventing, detecting and dealing with corruption that may occur in an organization.

On 2 December 2021, the OACP HAM 2022 - 2026 was launched by YB Senior Minister of Works as a reference and main guide for HAM to deal with internal issues such as weaknesses in governance integrity and anti-corruption. The framework of the OACP HAM 2022 - 2026 is as follows:-

KERANGKA OACP (LLM) / FRAMEWORK OF THE OACP HAM 2022 – 2026



VISI/ VISION

Pembangunan dan Pengurusan Lebuh raya Bertol Tanpa Rasuah
Development and Management of Toll Highway without Corruption



MISI/ MISSION

Memperkukuhkan Tadbir Urus Berteraskan Integriti dan Bebas Rasuah
Strengthening Governance based on Integrity and Corruption Free



MATLAMAT/ GOAL

- Meningkatkan kecekapan dan responsif dalam penyampaian perkhidmatan berdasarkan tadbir urus terbaik demi kepentingan rakyat
Improve efficiency and responsiveness in service delivery based on the best governance for the benefit of the people
- Membudayakan amalan integriti dengan memperkukuhkan nilai dan etika kerja
Cultivate the practice of integrity by strengthening work values and ethics



BIDANG KEUTAMAAN/ AREAS OF PRIORITY

- Tadbir Urus • Khidmat Pengurusan • Kewangan dan Perolehan • Operasi • Perancangan dan Pengurusan
- *Governance* • *Management Service* • *Finance and Procurement*
- *Operation* • *Planning and Management*



STRATEGI/ STRATEGIES

- Memperkukuh dan Membudayakan Tadbir Urus Terbaik di LLM
- Menambahbaik Keberkesanan Pengurusan dan Pentadbiran Organisasi
- Memperkasakan Akauntabiliti dan Profesionalisme dalam Pengurusan Kewangan
- Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Operasi Lebuh Raya Bertol
- Memantapkan Kecekapan Perancangan dan Pengurusan Projek Lebuh Raya
- *Strengthening and Cultivating Best Governance in HAM* • *Improving the Effectiveness of Organizational Management and Administration* • *Empowering Accountability and Professionalism in Financial Management* • *Improving the Management Efficiency of Toll Highway Operations* • *Strengthening the Planning and Management Efficiency of Highway Projects*

▶ AHLI LEMBAGA/ BOARD MEMBERS

Ahli Lembaga adalah dilantik di bawah Akta 231, seksyen 4(1) dan (2) Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Pemerbadanan) 1980. Ahli Lembaga bagi tahun ini terdiri daripada:

Board Members are appointed under Act 231, Sections 4(1) and (2) of the Highway Authority Malaysia (Incorporation) Act 1980. This year's Board Members consist of:

**DATO' WIRA WAN AHMAD UZIR
BIN HAJI WAN SULAIMAN**

Wakil Kementerian Kerja Raya/
Representative of Ministry of Works
(Dilantik pada 15 September 2021)/
(Appointed on 15 September 2021)

**YB DATUK ABDUL
RASHID BIN ASARI**

Pengerusi/ *Chairman*
(Dilantik pada 1 Jun 2020)
*(Appointed on
1 June 2020)*

**DATO' Ir. MOHD SHUHAIMI
BIN HASSAN**

Ketua Pengarah Lembaga
Lebuhraya Malaysia/
Director General
Highway Authority Malaysia

**YM RAJA MUHAMMAD AZHAN
SHAH BIN RAJA MUHAMMAD**

Wakil Kementerian Kewangan
Malaysia/ *Representative of
Malaysian Ministry of Finance*
(Dilantik pada 16 Mac 2021)/
(Appointed on 16 March 2021)



TUAN MANOJ KURUP ▶

Wakil Kepentingan Khas
(Mewakili Jabatan Peguam Negara)/
Representative of Special Interest
(Representing the Attorney General's Chamber)
(Dilantik pada 1 Jun 2021)/
(Appointed on 1 June 2021)

**DATO' ADRIAN
CHING KOK SUANG**

Wakil Kepentingan Khas
Special Interests Representative
(Dilantik pada 29 November 2020)
(Appointed on 29 November 2020)

DATO' SERI Ir. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN
Wakil Jabatan Kerja Raya/
Representative of Public Works Department
(Dilantik pada 26 April 2021)/
(Appointed on 26 April 2021)

DATO' Ir. MOHTAR BIN MUSRI
Wakil Kepentingan Khas/
Special Interests Representative
(Dilantik pada 31 Mac 2021)
(Appointed on 31 March 2021)



DATO' Ir. HAJI ZULAKMAL BIN HAJI SUFIAN
Wakil Kepentingan Khas/
Special Interests Representative
(Dilantik pada 29 November 2020)
(Appointed on 29 November 2020)

- ▶ **AHLI GILIR LEMBAGA / ALTERNATE BOARD MEMBERS**
DATO' Ir. AHMAD REDZA BIN GHULAM RASOOL
Wakil Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya/
Representative of Director General Public Works Department
MOHAMAD AZIZAL BIN ABD AZIZ
Wakil Kementerian Kewangan/
Representative of Ministry of Finance
- ▶ **AHLI LEMBAGA YANG TAMAT KEANGGOTAAN / BOARD MEMBERS WHO ENDED MEMBERSHIP**
DATUK BADRUL HISHAM BIN MOHD
Wakil Kementerian Kerja Raya/
Representative of Ministry of Works
(Sehingga 19 Julai 2021)/ (Until 19 July 2021)
DATO' RAZALI BIN MOHAMAD
Wakil Kementerian Kewangan/
Representative of Ministry of Finance
(Sehingga 3 Januari 2021)/ (Until 3 January 2021)
DATO' CHAN SEONG GNOH
Wakil Kepentingan Khas/*Special Interests Representative*
(Sehingga 20 April 2021)/ (Until 20 April, 2021)
DATO' Ir. NITCHIANATHAN A/L BALASUBRAMANIAM
Wakil Kepentingan Khas/*Special Interests Representative*
(Sehingga 10 Februari 2021)/ (Until 10 February 2021)
- ▶ **SETIAUSAHA MESYUARAT / MEETING SECRETARY**
HASLINA BINTI HASHIM
Pengarah Kanan Pengurusan/*Senior Director of Management*
Lembaga Lebuhraya Malaysia/*Highway Authority Malaysia*
- ▶ **AHLI JAWATANKUASA AUDIT 2021-2022 / AUDIT COMMITTEE MEMBER 2021-2022**
PENGERUSI / CHAIRMAN
DATUK WAN AHMAD UZIR BIN HAJI WAN SULAIMAN
Wakil Kementerian Kerja Raya/*Representative of Ministry of Works*
(Sehingga 31 Mei 2022)/ (Until 31 May 2022)
- ▶ **AHLI-AHLI / MEMBERS**
YM RAJA MUHAMMAD AZHAN SHAH BIN RAJA MUHAMMAD
Wakil Kementerian Kewangan/
Representative of Ministry of Finance
(Sehingga 23 September 2022)/ (Until 23 September 2022)
DATO' ADRIAN CHING KOK SUANG
Ahli Lembaga Mewakili Kepentingan Khas/
Board Member Special Interests Representative
(Sehingga 28 Nov. 2022)/ (Until 28 Nov. 2022)
DATO' Ir. HAJI ZULAKMAL BIN HAJI SUFIAN
Ahli Lembaga Mewakili Kepentingan Khas/
Board Member Special Interests Representative
(Sehingga 28 Nov. 2022)/ (Until 28 Nov. 2022)
DATO' Ir. MOHTAR BIN MUSRI
Wakil Kepentingan Khas/
Special Interests Representative
(Sehingga 30 Mac 2023)/ (Until 30 March 2023)
- ▶ **AHLI JAWATANKUASA YANG TAMAT KEANGGOTAAN / BOARD MEMBERS WHO ENDED MEMBERSHIP**
DATUK BADRUL HISHAM BIN MOHD
Wakil Kementerian Kerja Raya/
Representative of Ministry of Works
(Sehingga 18 Julai 2021)/ (Until 18 July 2021)
DATO' CHAN SEONG GNOH
Wakil Kepentingan Khas/
Special Interests Representative
(Sehingga 20 April 2021)/ (Until 20 April 2021)
- ▶ **SETIAUSAHA MESYUARAT / MEETING SECRETARY**
ZAIMASNIZAM BIN MASPUR
Ketua Audit Dalam/
Head of Internal Audit
Lembaga Lebuhraya Malaysia/
Highway Authority Malaysia

► PENGURUSAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA/ MANAGEMENT OF HIGHWAY AUTHORITY MALAYSIA



1 DATO' Ir. MOHD SHUHAIMI BIN HASSAN
Ketua Pengarah/ *Director General*

2 Ir. ABDULLAH BIN HASHIM
Timbalan Ketua Pengarah (Bisnes)/
Deputy Director General (Business)

3 Ir. SAZALI BIN HARUN
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)/
Deputy Director General (Development)

4 HASLINA BINTI HASHIM
Pengarah Kanan Pengurusan/
Senior Director of Management

► PEGAWAI KANAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA/ SENIOR OFFICERS OF HIGHWAY AUTHORITY MALAYSIA



1

2

3

1 ZAHRATUL 'ULA BINTI MOHD IBRAHIM
Pegarah Pemantauan Operasi/
Director of Operations Monitoring

2 AZMAN BIN MOHD JAIS
Pegarah Khidmat Pakar dan Kerjasama Teknikal
Director of Expert Services and Technical Cooperation

3 NOR ADIBAH BINTI RAMLI
Pegarah Pengawasan Tol/
Director of Toll Monitoring

4 Ir. MOHD HADZMIR BIN YUSOFF
Pegarah Pengurusan Projek/
Director of Project Management

5 ABU BAKAR BIN HASHIM
Pegarah Mekanikal dan Elektrik/
Director of Mechanical and Electrical

6 Ts. HUSAIN BIN OSMAN @ MOHAMED
Pegarah Wilayah Tengah/
Director of the Central Region



5

6

4

7 **NOOR FUZIAH BINTI ISMAIL**
Pegarah Undang-Undang/
Legal Director

8 **Ir. Ts. Dr. NADZROL FADZILAH BINTI AHMAD**
Pegarah Pengurusan Rekabentuk/
Director of Design Management

9 **Ts. NORIHA BINTI DERIN @ DERAWI**
Pegarah Perancangan/
Director of Planning



10 **JUNAIDAH BINTI JAMNI**
Pegarah Pengurusan Tanah/
Director of Land Management

11 **Sr. ROZIDAH BINTI MOHD KAMARUDDIN**
Pegarah Ukur Bahan dan Kontrak/
Director of Quantity Surveying and Contracts

12 **SUZAITEE BINTI YUSOFF**
Pegarah Kewangan dan Pengurusan Aset/
Director of Finance and Asset Management




- 13 FARAH ZIZA BINTI MOHAMED FAWZI**
Pegarah Sumber Manusia dan Korporat/
Director of Human Resources and Corporate
- 14 NORZURIATI BINTI ZAINOL RASHID**
Pegarah Teknologi Maklumat/
Director of Information Technology
- 15 AZLEEN BINTI JALUDIN**
Pegarah Wilayah Utara/
Director of the Northern Region



- 16 MOHD SHAHRIR AMIN BIN AHMAD**
Pegarah Wilayah Selatan/
Director of the Southern Region
- 17 Ir. KHAIRULANUAR BIN MUHARI**
Pegarah Wilayah Timur/
Director of the Eastern Region
- 18 ZAIMASNIZAM BIN MASPUR**
Ketua Audit Dalam/
Head of Internal Audit

► CARTA ORGANISASI LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA/ HIGHWAY AUTHORITY MALAYSIA ORGANISATION CHART



**KETUA PENGARAH/
DIRECTOR GENERAL**
Dato' Ir. Mohd Shuhaimi Bin Hassan

**TIMBALAN KETUA PENGARAH
(BISNES)/
DEPUTY DIRECTOR GENERAL
(BUSINESS)**
Ir. Abdullah Bin Hashim

**PENGARAH
UNDANG-UNDANG
LEGAL DIRECTOR**
Noor Fuziah Binti Ismail

**PENGARAH
PEMANTAUAN OPERASI/
Director of Operations
Monitoring**
**Zahratul'Ula Binti
Mohd Ibrahim**

**PENGARAH
PENGURUSAN TANAH/
Director of Land
Management**
**Junaidah
Binti Jamni**

**PENGARAH
PENGAWASAN TOL/
Director of Toll
Monitoring**
**Nor Adibah
Binti Ramli**

**PENGARAH UKUR
BAHAN DAN KONTRAK/
Director of Quantity
Surveying And Contract**
**Sr. Rozidah Binti
Mohd Kamaruddin**

**PENGARAH KHIDMAT
PAKAR DAN KERJASAMA
TEKNIKAL/
Director of Expert Service
And Technical Cooperation**
Azman Bin Mohd Jais

**PENGARAH WILAYAH
TENGAH/
Director of
Central Region**
Ts. Husain Bin Osman

**PENGARAH WILAYAH
UTARA/
Director of
Northern Region**
Azleen Binti Jaludin

**PENGARAH WILAYAH
SELATAN/
Director of
Southern Region**
**Mohd Shahrir Amin
Bin Ahmad**

**PENGARAH WILAYAH
TIMUR/
Director of Eastern
Region**
**Ir. Khairulnuar
Bin Muhari**

▶ PERANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN ROLE OF DIVISIONS

BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK PROJECT MANAGEMENT DIVISION



Bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan pembinaan lebuh raya baharu, naik taraf lebuh raya, pembinaan persimpangan bertingkat baharu atau tertangguh dari peringkat awal selepas perjanjian konsesi ditandatangani/ selaras dengan ketetapan dalam perjanjian konsesi. Bahagian ini juga menyelaraskan pemantauan kerja-kerja pembinaan di tapak agar mematuhi kelulusan reka bentuk, semakan plan pengurusan trafik, semakan aspek kualiti, aspek alam sekitar, hal-hal luar jangka serta aspek keselamatan di tapak bina berdasarkan perjanjian konsesi, dokumen kontrak, piawaian teknikal serta perundangan. Selanjutnya bahagian ini juga melaksanakan proses dan prosedur pembukaan lebuh raya, pengeluaran Sijil Kesempurnaan Pembinaan Lebuh Raya (SKPL) dan semakan lukisan terbina.

Responsible for monitoring the implementation of the construction of new highway projects, upgrading highway projects, new or delayed multi-level interchanges after the concession agreement is signed/in accordance with the stipulations in the concession agreement. This division also coordinates the monitoring of construction works on site in order to comply with the approval of design, review of traffic management plan, review of quality aspects, environmental aspects, contingencies as well as safety aspects at the construction site based on the concession agreement, contract documents, technical as well as legal aspects. Furthermore, this division also implements the process and procedure of highway opening, issuance of Certificate of Highway Perfection (SPKL) and review of construction drawings.

BAHAGIAN PERANCANGAN PLANNING DIVISION



Bertanggungjawab merancang dan mengkaji jajaran lebuh raya selaras dengan kajian perancangan pembangunan Kerajaan dan menjalankan rundingan teknikal penswastaaan lebuh raya dengan menganggotai jawatankuasa rundingan kerajaan. Mengadakan rundingan teknikal dengan syarikat pencadangan dan menyemak plan pembekuan koridor lebuh raya. Bahagian ini juga menjalankan penilaian terhadap projek penswastaaan sebelum dan selepas dilaksanakan bagi menentukan keberkesanan sesuatu projek terhadap masyarakat dan negara daripada aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Selain itu, bertanggungjawab menyediakan panduan *Toll Highway Traffic Volume Malaysia* (THTVM) bagi menilai mutu perkhidmatan

Responsible for planning and reviewing the highway road alignments in line with the Government's development, as well as conduct technical negotiations on the privatisation of highways by being a member of the Government's negotiation committee. The Division also conducts technical negotiations with the proposing companies and review plans on freezing of highway corridors, as well as conducts evaluation of privatisation projects before and after the implementation, in order to determine the effectiveness of a project towards the society and country from economic, social and environmental aspects. Furthermore, it is responsible for preparing the Toll Highway Traffic

servis (*Level of Service*) bagi jajaran lebuh raya bertol yang beroperasi seterusnya melaksanakan pemantauan terhadap pematuhannya berdasarkan terma di dalam Perjanjian Konsesi.

Volume Malaysia (THTVM) guidelines to assess the Level of Service for toll highway road alignments that are in operation, as well as monitor its compliance based on the terms stipulated in the Concession Agreement.

BAHAGIAN PENGURUSAN REKA BENTUK DESIGN MANAGEMENT DIVISION



Bertanggungjawab dalam menyemak Pelan Pengambilan Tanah (Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960), Laporan Ringkasan Rekabentuk dan Lukisan Rekabentuk Terperinci yang dikemukakan oleh syarikat konsesi atau kontraktor *turnkey* bagi projek pembinaan lebuh raya untuk kelulusan LLM. Skop yang dilaksanakan adalah untuk memastikan reka bentuk lebuh raya mematuhi standard dan piawaian yang termaktub di dalam perjanjian konsesi, menepati ciri-ciri keselamatan dan kelestarian alam sekitar bagi keselesaan pengguna lebuh raya.

For the purpose of HAM's approval, this division is responsible for reviewing the Land Acquisition Plan (Section 8, APT 1960), Design Summary Report, Detailed Design Drawings submitted by the concessionaires or turnkey contractors for the construction of highway projects. The scope of the implementation is to ensure the highway design complies with the standard and norms stipulated in the concession agreement, meeting the safety features and environmental sustainability for the comfort of highway users.

BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIK MECHANICAL AND ELECTRICAL DIVISION



Bertanggungjawab mengurus kerja-kerja berkaitan mekanikal dan elektrik bagi projek-projek penswastaaan lebuh raya atau *turnkey* dan projek pembangunan tepi lebuh raya dari aspek perancangan, reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyenggaraan. Bahagian ini juga merancang, mengurus dan mengawalselia projek khusus seperti pertukaran teknologi bagi sistem kutipan tol daripada sistem sedia ada kepada sistem *Radio Frequency Identification* (RFID) dan juga *Multi Lane Free Flow* (MLFF) bagi semua lebuh raya bertol. Selain itu, bertanggungjawab mengurus dan mengawalselia kontrak penyenggaraan mekanikal dan elektrik ibu pejabat dan Pusat Pengurusan Trafik LLM. Bahagian ini turut menjadi penasihat kepada pejabat-pejabat wilayah bagi kerja-kerja berkaitan mekanikal dan elektrik sekiranya diperlukan.

Responsible for managing mechanical and electrical related works for highway privatisation projects or turnkey and development along the highway in terms of planning, design, construction, operation and maintenance. To plan, manage and regulate specific projects such as technology transformation for toll collection systems from the existing systems to Radio Frequency Identification (RFID) and Multi Lane Free Flow (MLFF) for all the new toll highways. This Division also manages and regulate mechanical and electrical maintenance contracts for HAM headquarters and other traffic management centres, as well as to be an advisor to the regional offices for mechanical and electrical work if required.


BAHAGIAN PEMANTAUAN OPERASI OPERATION MONITORING DIVISION



Bertanggungjawab dalam pemantauan operasi dan penyelenggaraan lebuhraya bertol supaya sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa kepada pengguna selaras dengan keperluan yang termaktub dalam perjanjian konsesi dan garis panduan serta manual yang diterbitkan oleh LLM. Bahagian ini juga berperanan memantau operasi Pusat Pengurusan Trafik sebagai pusat rujukan dan penyebaran maklumat trafik di lebuhraya bertol seluruh Malaysia. Bahagian Pemantauan Operasi juga menyemak dan mengemaskini serta membangunkan garis panduan dan manual yang berkaitan dengan operasi dan penyelenggaraan lebuhraya untuk panduan syarikat konsesi. Selain itu, pembangunan tepi lebuhraya bertol yang diwartakan sebagai Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) turut diuruskan oleh bahagian ini yang mana bidang kuasa mengawal pembangunan yang melibatkan rezab lebuhraya sedia ada adalah diperuntukkan kepada YB. Menteri Kerja Raya berdasarkan seksyen 85, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (*Road Transport Act 1987*).

Responsible for monitoring the operation and maintenance of toll highways in accordance with the requirements set out in the concession agreement and guidelines and manuals published by the HAM, ensuring its safe and comfortable conditions at all times for the users. This division also has the role as a reference centre in monitoring the operation of the traffic management centre and dissemination of traffic information on toll highways throughout Malaysia. The Operation Monitoring Division also reviews, upgrades and develops guidelines and manuals related to highway operation and maintenance for concessionaire companies. In addition, the development along the toll highways gazetted as Federal Road (Private Management) is also managed by this division, where the jurisdiction to control the development involving the existing highway reserve is allocated to the Minister of Works under Section 85 of the Road Transport Act 1987.

BAHAGIAN KHIDMAT PAKAR DAN KERJASAMA TEKNIKAL EXPERT SERVICES AND TECHNICAL COOPERATION DIVISION



Bertanggungjawab memberi khidmat nasihat teknikal berkaitan lebuhraya. Selain dari itu, bahagian ini bertanggungjawab mengadakan kerjasama dengan pihak-pihak lain dalam penyelidikan dan pembangunan, perkongsian kepakaran teknikal dan *knowledge transfer*. Bahagian ini juga menguruskan pembangunan atau semakan semula garis panduan atau piawaian berkaitan lebuhraya di Malaysia. Bahagian ini turut mengkoordinasi pelaksanaan *Malaysian Green Highway Index* (MyGHI) bagi lebuhraya di Malaysia.

The Division is responsible for providing technical advisory services related to highways. In addition, it is responsible for collaborating with other parties in research and development, sharing of technical expertise and knowledge transfer. This Division also manages the development or reviewing the guidelines or standards related to highways in Malaysia and coordinates the implementation of the Malaysian Green Highway Index (MyGHI).

BAHAGIAN UKUR BAHAN DAN KONTRAK

QUANTITY SURVEYING AND CONTRACTS DIVISION



Bertanggungjawab di dalam menguruskan pentadbiran kontrak perolehan Kerajaan dan kontrak konsesi berdasarkan peraturan dan perundangan kontrak yang sedang berkuatkuasa. Bahagian ini juga bertanggungjawab memastikan pengurusan kontrak konsesi dipatuhi sepenuhnya oleh pihak syarikat sebagaimana termaktub di dalam perjanjian konsesi. Bagi kontrak konsesi, Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyemak anggaran kos projek meliputi *capital expenditure (capex)* dan *operation expenditure (opex)* yang dikemukakan oleh pihak syarikat, mengendali atau menyelaraskan Bengkel Pengurusan Nilai (*Value Management*) dan melaporkan penglibatan kontraktor Bumiputera di dalam projek pembinaan lebuh raya kepada KKR.

Responsible in managing the administration of government procurement contracts and concession contracts based on the current rules and contract legislation. This Division is also responsible for ensuring the management of the concession contract is fully complied with by the company concerned as stipulated in the concession agreement. For concession contracts, the Division is responsible for reviewing the project cost estimates including capital expenditure (capex) and operating expenditure (opex) submitted by the company, conducting/coordinating the Value Management Workshop and reporting the involvement of Bumiputera contactors in the construction of highways project to Ministry of Works.

BAHAGIAN PENGAWASAN TOL

TOLL SURVEILLANCE DIVISION



Bahagian Pengawasan Tol bertanggungjawab memantau pelaksanaan operasi sistem kutipan tol, membuat semakan dan pengesahan jumlah trafik dan hasil kutipan tol sehingga kepada pengeluaran Sijil Verifikasi Trafik dan Hasil Tol, Sijil Bayaran Pampasan, Sijil Perkongsian Hasil Tol dan Sijil Sumbangan Penyelidikan, Latihan Dan Pembangunan Lebuh Raya. Bahagian ini juga berperanan dalam memberi maklum balas berhubung kenaikan, penangguhan kenaikan dan penstrukturan semula kadar tol, pemansuhan kutipan tol, jumlah dan kadar pertumbuhan trafik di lebuh raya serta lain-lain maklumat berkaitan tol. Selain itu, Bahagian Pengawasan Tol juga turut memainkan peranan di dalam proses penentuan dan penetapan kadar tol sebelum ianya diwartakan dan dilaksanakan.

The Toll Surveillance Division is responsible for monitoring the implementation of the toll collection system, reviewing and verifying the traffic volumes and the toll collection revenue up to the issuance of Traffic Verification and Toll Revenue Certification, Compensation Payment Certificate, Toll Revenue Sharing Certificate and Highway Research, Training and Development Contribution Certificate. This Division also plays a role in providing feedback on the increase, postponement of increase and restructuring of toll rates, abolition of toll collection, volume and growth rate of traffic on the highways and other information related to toll. In addition, the Toll Surveillance Division is also involved in the process of determining and setting toll rates before they are gazetted and implemented.

BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH LAND MANAGEMENT DIVISION



Bertanggungjawab dalam pengurusan hal-hal pengambilan tanah berdasarkan Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi pembinaan lebuh raya bertol bermula dari proses permohonan Pelan Pengambilan Tanah sehingga penyerahan tanah kepada syarikat konsesi. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam kerja-kerja ukur muktamad, perizaban dan pewartaan lebuh raya di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara. Bahagian ini juga menguruskan permohonan mendirikan struktur paparan iklan di dalam rezab lebuh raya dan pengurusan hartanah seperti aktiviti sewaan atau pajakan tanah milik LLM dan rezab lebuh raya.

Responsible for the management of land acquisition matters based on the Land Acquisition Act 1960 for the construction of toll highways, from the Land Acquisition Plan application process to the handover of land to the concession company. This Division is also responsible for the final survey, reservation and gazetting of highways under Section 62 of the National Land Code. It also manages applications to set up advertisement display structures along the highway reserves and property management such as rental or leasing of land owned by HAM and highway reserves.

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN KORPORAT HUMAN RESOURCES AND CORPORATE DIVISION



Bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan sumber manusia seperti perkhidmatan, perjawatan, integriti dan latihan. Bahagian ini juga bertanggungjawab sebagai pemangkin imej korporat LLM serta menguruskan komunikasi dan perhubungan media iaitu hal ehwal korporat, penerbitan, pengurusan pelanggan dan aduan. Selain itu, bahagian ini juga bertindak sebagai bahagian utama yang menyelaraskan penyediaan mesyuarat utama LLM serta memantau pelaksanaan Pelan Strategik Organisasi, Petunjuk Prestasi Utama, urus setia Parlimen, urus setia pengurusan kualiti dan urus setia aktiviti inspektorat. Bahagian ini juga memberi khidmat sokongan pengurusan pentadbiran, penyenggaraan bangunan, kemudahan keselamatan, logistik dan pengurusan kenderaan jabatan.

Responsible in managing matters related to human resource management such as services, staffing, integrity and training. This Division is responsible for the corporate image of HAM as well as managing communications and media relations, namely corporate affairs, publications, customer management and complaints. This Division also acts as the main division that coordinates the preparation of HAM key meetings and monitors the implementation of Strategic Organisation Plan, Key Performance Indicators, Parliamentary secretariat, quality management secretariat and inspectorate activities secretariat. The Division also provides support services in terms of administrative management, building maintenance, security facilities, logistics and vehicle maintenance management.

BAHAGIAN KEWANGAN DAN PENGURUSAN ASET FINANCE AND ASSET MANAGEMENT DIVISION



Bertanggungjawab terhadap pengurusan perakaunan dan kewangan yang meliputi pelaburan, terimaan dan pembayaran, pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan serta pengurusan aset alih dan aset tak alih.

Responsible for accounting and financial management which includes investments, receipts, and payments, procurement of supplies and services, as well as managing of tangible and intangible assets.

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT INFORMATION TECHNOLOGY DIVISION



Bertanggungjawab dalam merancang, memperkukuh dan memperkasa prasarana dan sumber ICT dalam menyokong visi dan misi LLM dalam aspek penyediaan infrastruktur ICT yang mampan kepada pengguna dalaman dan luaran LLM, pemerkasan pengurusan ICT serta keselamatan ICT di seluruh LLM dalam penyampaian maklumat kepada pengguna dan penyediaan perkhidmatan sokongan teknikal bagi sistem aplikasi yang dibangunkan di LLM.

Responsible for planning, strengthening, and empowering ICT infrastructure and resources to support the HAM's vision and mission statements. Providing sustainable ICT infrastructure to internal and external users of the HAM. Strengthening ICT management and ICT security throughout the HAM by providing information to users and providing technical support services for application systems developed in the HAM.

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG LEGAL DIVISION



Bertanggungjawab memberi nasihat perundangan yang berkualiti dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan memastikan hak dan kepentingan LLM sentiasa dilindungi.

Responsible for providing quality legal advice in accordance with the Federal Constitution and ensuring the rights and interests of HAM are protected.

UNIT AUDIT DALAM INTERNAL AUDIT UNIT



Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas, yang memberikan kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi dan membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Audit Dalam juga bertanggungjawab untuk menjalankan audit pengurusan kewangan dan menjalankan audit prestasi yang merangkumi penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan. Di samping itu, Audit Dalam juga bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Ketua Pengarah hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan diambil oleh pihak pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan dan membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit.

Internal Audit is an independent function which provides assurance and objective consulting services to add value as well as enhance the level of organisational operations. It also helps an organization achieve its goals through a systematic and disciplined approach, in order to evaluate and determine the effectiveness of all control and governance processes. Internal Audit is also responsible for conducting financial management audits and performance audits that include an evaluation of an organisation's activities, to ensure that it's goals have been achieved and resources have been used prudently, efficiently and effectively. In addition, Internal Audit is responsible for reporting to the Director General on auditing results and monitoring the follow-up action taken by the management on issues raised, as well as presenting the Internal Audit Report in the Audit Committee Meeting.

PEJABAT-PEJABAT WILAYAH REGIONAL OFFICES



Pejabat-pejabat wilayah terdiri daripada Wilayah Utara, Tengah, Selatan dan Timur. Pejabat Wilayah bertanggungjawab dalam pemantauan dan pengawalseliaan ke atas kerja-kerja penyenggaraan, operasi dan naik taraf lebuhraya oleh syarikat konsesi supaya lebuhraya sentiasa dalam keadaan berkualiti, selamat dan selesa kepada pengguna lebuhraya. Selain itu, Pejabat Wilayah juga bertanggungjawab memantau pelaksanaan kerja-kerja pembangunan tepi lebuhraya antaranya seperti pembinaan akses baharu, kemudahan utiliti, semakan teknikal dan pelaksanaan pemasangan paparan iklan serta penggunaan tanah lebuhraya di dalam *Right of Way* lebuhraya yang sedang beroperasi.

The regional offices comprise of Northern, Central, Southern and Eastern regions. The Regional Office are responsible for monitoring and regulating the maintenance, operation and upgrading of highways by concessionaires, in order to ensure the highways are always in good quality, safe and comfortable for highway users. In addition, the Regional Offices are also responsible for monitoring the implementation along highway development works such as construction of new access, utility facilities and others as well as the technical review and implementation of advertising display installation and use of highway land in Right of Way highway which is in operation.

Nota: Setiap Bahagian dan Pejabat Wilayah juga bertanggungjawab ke atas pengurusan aduan awam dan memastikan Sistem Pengurusan Kualiti Menyeluruh dilaksanakan.

Note: Each Division and Regional Office is also responsible for the management of public complaints and ensuring the implementation of Comprehensive Quality Management System.



PERUTUSAN
PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

PERUTUSAN PENGERUSI

CHAIRMAN'S STATEMENT



“

PSB ini dibangunkan selaras dengan visi dan misi LLM dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya serta mengambilkira keperluan industri dan mengimbangi kepentingan pemegang taruh iaitu pengguna, kerajaan dan syarikat konsesi lebuhraya.

The SBP was developed in line with the vision and mission of HAM in carrying out its functions and responsibilities and taking into account the needs of the industry and balancing the interests of stakeholders, namely users, the government and highway concession companies.

”

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Saya terlebih dahulu ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat izin, limpah kurnia dan makbul-Nya Laporan Tahunan 2021 ini dapat diterbitkan. Saya selaku pengerusi LLM dengan ini sangat berbesar hati membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan LLM bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan kepada seluruh warga LLM di atas kesungguhan dan kesabaran dalam melaksanakan segala agenda yang dirancang sepanjang Tahun 2021 dengan penuh komited dan dedikasi. Saya juga amat berbangga kerana warga LLM telah memenuhi arahan keperluan vaksinasi lengkap sehingga tempoh Disember 2021. Kejayaan ini membantu memenuhi nilai ambang yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi peralihan ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Sebagai sebuah organisasi yang cemerlang dan efisien, LLM telah berjaya membangunkan Pelan Strategik Bisnes (PSB) 2021-2025. Pelan ini dibangunkan selaras dengan visi dan misi LLM dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya serta mengambilkira keperluan industri dan mengimbangi kepentingan pemegang taruh iaitu pengguna, kerajaan dan syarikat konsesi lebuhraya. PSB LLM merupakan satu dokumen yang komprehensif untuk mencapai matlamat memperkasakan LLM dalam merancang, membangun dan memantau operasi lebuhraya bertol di Malaysia.

Selain itu, bagi memantapkan pengoperasian kutipan tol yang seragam di semua lebuhraya bertol di Malaysia, LLM telah membangunkan dokumen Arahan Pengurusan Sistem Tol (APST). Arahan ini mewujudkan satu prosedur kerja yang telus, berintegriti dan mengukuhkan akauntabiliti semua pihak yang terlibat dalam industri lebuhraya. Arahan

In the name of Allah, Most Gracious, Most Merciful.

Assalamualaikum w.b.t and Salam Sejahtera,

First of all, I would like to express my deepest gratitude to Allah S.W.T. because with His permission, grace and favor, this 2021 Annual Report can be published. I, as the Chairman of the Highway Authority Malaysia (HAM), hereby present with great pleasure the Annual Report and Financial Statements of the HAM for the financial year ending 31 December 2021.

I also express my gratitude and appreciation to all HAM members for their earnestness and patience in implementing all the agendas planned throughout the year 2021 with full commitment and dedication. I am also very proud that HAM members have met the complete vaccination requirements until December 2021. This success helps meet the threshold value set by the Government for the transition to Phase 4 of the National Recovery Plan (NRP).

As an excellent and efficient organization, HAM has successfully developed a Strategic Business Plan (SBP) 2021-2025. The SBP was developed in line with the vision and mission of HAM in carrying out its functions and responsibilities and taking into account the needs of the industry and balancing the interests of stakeholders, namely users, the government and highway concession companies. SBP HAM is a comprehensive document to achieve the goal of empowering HAM in planning, developing and monitoring the operation of tolled highways in Malaysia.

Besides, in order to strengthen the operation of uniform toll collection on all tolled highways in Malaysia, HAM has developed a Toll System Management Instruction (APST) document. This directive creates a work procedure that is transparent, has integrity and strengthens the accountability of all parties involved in the highway

kerja yang jelas melalui APST ini, menekankan obligasi syarikat konsesi secara lebih terperinci bagi mengukuhkan peranan LLM sebagai badan kawal selia selaras dengan matlamat untuk mencapai tadbir urus terbaik dan menjadikan industri lebuhraya di Malaysia bertaraf dunia.

Dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik dengan mengamalkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti, LLM telah membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) 2022 - 2026. OACP ini merupakan rangka kerja strategi utama dalam pencegahan gejala rasuah, selain bertindak sebagai panduan kepada semua warga LLM bagi menangani isu-isu dalaman seperti kelemahan integriti, tadbir urus dan anti rasuah. Bidang keutamaan yang difokuskan di dalam pembangunan OACP ini adalah tadbir urus, khidmat pengurusan, kewangan dan perolehan, operasi serta perancangan dan pengurusan.

Sehingga akhir tahun 2021, LLM mengawalselia enam (6) lebuhraya dalam pembinaan dan 31 lebuhraya beroperasi. Dalam melaksanakan pemantauan ini, pengurusan keselamatan di tapak bina amat penting dan perlu dipandang serius agar risiko kejadian kemalangan dapat dielakkan. Sebagai contoh, kejadian pada 22 Mac 2021 yang lalu, insiden kemalangan sebahagian komponen launching gantry yang jatuh di tapak pembinaan projek Lebuhraya Sungai Besi - Ulu Kelang (SUKE) di Persiaran Alam Damai. Kemalangan ini menyebabkan kerja-kerja di tapak terpaksa diberhentikan, namun ianya tidak mempengaruhi kemajuan kerja projek tersebut.

Oleh itu, LLM sentiasa memastikan semua lebuhraya dalam pembinaan melaksanakan kerja mengikut standard dan prosedur yang ditetapkan bagi memastikan tapak pembinaan sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat. Bagi memastikan keselamatan warga kerja dalam industri lebuhraya terjamin, LLM telah menandatangani satu *Memorandum of Agreement (MoA)* di antara LLM dengan *National Institute of Safety and Health (NIOSH)* untuk pentauliah *Expressway Operation Safety Passport (EOSP)*. Sehingga tahun 2021, seramai 15 orang pegawai LLM telah selesai menghadiri kursus *Train The Trainer (TTT)* dan telah berjaya menjadi pelatih yang bertauliah. Pelaksanaan EOSP juga ini adalah

industry. The clear work instructions through this APST, emphasize the obligation of concession companies in more detail to strengthen the role of HAM as a regulatory body in line with the goal of achieving the best governance and making the highway industry in Malaysia world class.

In delivering the best service by practicing transparency, accountability and integrity, HAM has developed an Organizational Anti-Corruption Plan (OACP) 2022 - 2026. This OACP is the main strategic framework in the prevention of corruption, in addition to acting as a guide for all HAM members to deal with internal issues such as weaknesses in integrity, governance and anti-corruption. The priority areas focused in the development of the OACP are governance, management services, finance and procurement, operations as well as planning and management.

Until end of 2021, HAM regulates six (6) highways under construction and 31 highways in operation. In carrying out this monitoring, safety management at the construction site is very important and needs to be taken seriously so that the risk of accidents can be avoided. For example, the incident that happened on 22 March 2021, where parts of the launching gantry component accidentally fell at the construction site of the Sungai Besi - Ulu Kelang (SUKE) Highway project in Persiaran Alam Damai. This accident caused work on the site to be stopped, but it did not affect the progress of the project.

Therefore, HAM always ensures that all highways under construction carry out work according to the standards and procedures set to ensure that the construction site is always in a good and safe condition. To ensure the safety of workers in the highway industry, HAM has signed a Memorandum of Agreement (MoA) between HAM and the National Institute of Safety and Health (NIOSH) for the accreditation of the Expressway Operation Safety Passport (EOSP). Until 2021, a total of 15 HAM officers have completed attending the Train The Trainer (TTT) course and have successfully become certified trainers. The implementation of EOSP is also in collaboration with several other

dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan yang lain iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan juga Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT). Matlamat utamanya adalah bagi memastikan setiap individu yang bekerja di dalam *right of way* (r.o.w) lebuh raya untuk memiliki kad EOSP dan memahami kehendak aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Tahniah diucapkan kepada Pengurusan dan warga LLM kerana telah berjaya menganjurkan Anugerah Industri Lebuh Raya pada 2 Disember 2021 di Putrajaya. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Menteri Kanan Kerja Raya dan bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada syarikat konsesi, agensi dan individu yang terlibat secara langsung dalam pembangunan serta pengurusan lebuh raya. Anugerah ini juga merupakan satu platform yang dapat mewujudkan jaringan kerjasama, berkongsi pengalaman serta idea baharu dalam melestarikan pembangunan industri lebuh raya bertol negara. Kemuncak majlis anugerah ini menyaksikan penyampaian 13 Apresiasi Industri Lebuh Raya dan 8 (lapan) kategori anugerah kepada agensi serta syarikat konsesi yang terlibat.

Selain itu, syabas diucapkan kepada LLM dan Persatuan Syarikat Konsesi Lebuh Raya Malaysia (PSKLM) yang telah melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Dan Korporat (CSR) bagi memberi sumbangan kepada petugas-petugas barisan hadapan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC), MAEPS, Serdang. Program CSR diteruskan pada penghujung tahun 2021 kepada mangsa banjir di kawasan Lembah Klang dan Selangor. Selaras dengan konsep 'Keluarga Malaysia', LLM dan syarikat konsesi lebuh raya melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menyertai misi pasca banjir KKR pada 30 Disember 2021 hingga 2 Januari 2022. Seramai 731 sukarelawan LLM dan syarikat konsesi lebuh raya turun padang bagi membantu membersihkan kawasan dan rumah mangsa banjir di Hulu Langat, Selangor. Terima kasih kepada semua yang prihatin dan diharap usaha tersebut dapat meringankan beban mangsa banjir yang terjejas.

government agencies such as the Skills Development Department (JPK), the Ministry of Human Resources, the Occupational Safety and Health Department (JKKP) and also the Malaysian Board of Technology (MBOT). The main goal is to ensure that every individual who works in the right of way (r.o.w) of the highway to have an EOSP card and understands the requirements of occupational health and safety aspects.

Congratulations to the Management and the members of HAM for successfully organizing the Highway Industry Awards on 2 December 2021 in Putrajaya. This ceremony was officiated by YB Senior Minister of Works and aims to give appreciation and recognition to concession companies, agencies and individuals who are directly involved in the development and management of highways. This award is also a platform that can create a network of cooperation, share experiences and new ideas in sustaining the development of the nation's tolled highway industry. The highlight of this award ceremony saw the presentation of 13 Highway Industry Appreciations and 8 (eight) award categories to agencies and concession companies involved.

Besides that, well done to HAM and the Association of Malaysian Highway Concession Companies (PSKLM) who have implemented a Corporate Social Responsibility (CSR) Program to contribute to the frontline workers at the Low Risk Covid-19 Quarantine and Treatment Center (PKRC), MAEPS, Serdang. The CSR program continued at the end of 2021 for flood victims in the Klang Valley and Selangor areas. In line with the 'Malaysian Family' concept, HAM and highway concession companies through the Ministry of Works (KKR) have participated in KKR's post-flood mission from 30 December 2021 to 2 January 2022. A total of 731 volunteers from HAM and highway concession companies joined hands to help clean up areas and houses of flood victims in Hulu Langat, Selangor. Thank you to everyone who is concerned and hope that the effort can ease the burden of the affected flood victims.

Akhir kata, saya berharap LLM akan terus merancang dan melaksanakan program yang komprehensif, dinamik dan responsif kepada kehendak pihak berkepentingan dan pelanggan. Perubahan yang dicorak pada hari ini akan menentukan kejayaan pada masa hadapan. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua yang terlibat dalam penerbitan Laporan Tahunan 2021.

Sekian, terima kasih.

YB. Datuk Abdul Rashid bin Asari

Pengerusi

Lembaga Lebuhraya Malaysia


Finally, I hope that HAM will continue to plan and implement programs that are comprehensive, dynamic and responsive to the needs of stakeholders and customers. Changes made today will determine success in the future. I would also like to express my appreciation and gratitude for the commitment and cooperation that has been given by everyone involved in the publication of the 2021 Annual Report.

Thank you.

YB. Datuk Abdul Rashid bin Asari

Chairman

Highway Authority Malaysia



**PENYATAAN
KETUA PENGARAH**
DIRECTOR GENERAL'S
STATEMENT

PENYATAAN KETUA PENGARAH

DIRECTOR GENERAL'S STATEMENT



“

Bagi merangka hala tuju LLM untuk mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan, sebanyak enam (6) teras strategik, 21 strategi dan 53 pelan tindakan telah digariskan di dalam Pelan Strategik LLM 2021-2025.

In order to formulate the direction of HAM to achieve the mission and vision that has been set, a total of six (6) strategic cores, 21 strategies and 53 action plans have been outlined in the HAM Strategic Plan 2021-2025.

”

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Saya ingin merakamkan rasa setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana kita diberi kesempatan untuk menyempurnakan segala tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2021 walaupun seluruh dunia termasuk Malaysia masih lagi dilanda pandemik *Coronavirus Disease* (COVID-19).

Dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengekang penularan wabak ini di Malaysia, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) terus komited memainkan peranannya sebagai sebuah agensi Kerajaan dalam mengawal selia lebuhraya bertol di Malaysia. Selaras dengan budaya norma baharu, warga LLM telah mengamalkan dasar bekerja dari rumah mengikut fasa di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN). Pemantauan pembinaan dan penyenggaraan lebuhraya secara fizikal turut dilaksanakan dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan. Selain itu juga, Pusat Pengurusan Trafik LLM tetap beroperasi dan bersiap siaga dalam menyampaikan informasi trafik lebuhraya. Tahniah dan terima kasih kepada semua warga LLM yang sentiasa bersemangat dan berusaha bagi memperkasakan LLM dengan norma kerja baharu.

Berdasarkan empat (4) bidang keberhasilan utama LLM, sebanyak 28 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah ditetapkan. Secara keseluruhannya, pencapaian KPI LLM bagi tahun 2021 adalah 99.89%. Ini jelas menggambarkan komitmen padu dan berterusan pihak pengurusan dan warga LLM dalam mengawal selia pembangunan dan pengurusan lebuhraya di Malaysia. Antara KPI utama yang berjaya dicapai sepanjang tahun 2021 adalah mempertingkatkan kualiti turapan lebuhraya bagi keselesaan pengguna, penambahbaikan ke atas sepuluh (10) lokasi *blackspot*, pengurangan kadar kemalangan sebanyak 73% berbanding 50% yang disasarkan di sepuluh (10) lokasi *blackspot*, melaksanakan penilaian dan penarafan semula indeks lebuhraya hijau terhadap enam (6) lebuhraya beroperasi, memperkasakan pengurusan

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

I would like to express my deepest gratitude to Allah SWT because we have been given the opportunity to complete all the responsibilities entrusted to us throughout the year 2021 even though the whole world including Malaysia is still affected by the Corona Virus Disease (COVID-19) pandemic.

In the situation of the Movement Control Order (MCO) implemented by the Government to curb the spread of this epidemic in Malaysia, the Highway Authority Malaysia (HAM) continues to commit to playing its role as a Government agency in regulating tolled highways in Malaysia. In line with the culture of the new norm, HAM members have adopted a policy of working from home according to the phases under the National Recovery Plan (NRP). Physical monitoring of highway construction and maintenance is also carried out in compliance with standard operating procedures (SOPs). In addition, the HAM Traffic Management Center remains operational and ready to deliver highway traffic information. Congratulations and thanks to all HAM members who are always enthusiastic and strive to empower HAM with new work norms.

Based on four (4) main HAM success areas, a total of 28 Key Performance Indicators (KPI) have been set. Overall, the HAM KPI achievement for 2021 is 99.89%. This clearly reflects the solid and continuous commitment of the management and the workforce of HAM in regulating the development and management of highways in Malaysia. Among the main KPIs successfully achieved throughout 2021 are improving the quality of highway pavements for user comfort, improvements to ten (10) blackspot locations, reducing the accident rate by 73% compared to the 50% targeted at ten (10) blackspot locations, implementing evaluation and the re-rating of the green highway index for six (6) operating highways, empowering the management of the toll system by establishing specific SOPs and implementing

sistem tol dengan mewujudkan SOP khusus dan melaksanakan empat (4) Pengauditan Prestasi dan dua (2) Pengauditan Susulan bagi memastikan integriti dan tadbir urus yang baik di LLM diteruskan.

Bagi merangka hala tuju LLM untuk mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan, sebanyak enam (6) teras strategik, 21 strategi dan 53 pelan tindakan telah digariskan di dalam Pelan Strategik LLM 2021-2025. Hal ini disokong dengan indikator sasaran, tempoh pencapaian sasaran dan bahagian yang dipertanggungjawabkan bagi memastikan pelaksanaannya secara komprehensif dan holistik. Seluruh warga LLM perlu menjadikan pelan strategik ini sebagai teras dan rujukan utama kepada semua perancangan dan pelaksanaan aktiviti organisasi tahunan.

Selain itu, antara mercu tanda LLM pada tahun 2021 adalah membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) LLM 2021-2025. Melalui PSP ini, LLM telah menetapkan 4 teras strategik yang merangkumi 9 strategi dan 82 subprogram. Oleh itu, saya berharap agar semua warga LLM dapat memastikan usaha-usaha dan perancangan yang terkandung di dalam pelan ini dapat dilaksanakan secara komprehensif bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan penggunaan ICT dalam perkhidmatan awam.

Demi menyahut saranan kerajaan dalam program transformasi industri pembinaan, LLM sedang dalam usaha dan komited untuk merealisasikan transformasi proses kerja yang berkaitan dengan perancangan, reka bentuk, pembinaan dan penyenggaraan serta penyeliaan lebuhraya dengan mengaplikasikan *Building Information Modelling* (BIM). Tempoh perancangan pelaksanaan BIM di LLM ini adalah selama 5 tahun dan dijangkakan akan digunapakai sepenuhnya selepas tahun 2025 bagi pengurusan pembangunan lebuhraya bertol di Malaysia. Sebagai permulaan kepada inisiatif LLM ke arah pelaksanaan BIM, pihak Universiti Malaysia Pahang Holdings (UMPH) telah dilantik sebagai juru perunding bagi Kajian Pembangunan Dokumen BIM bagi Lebuhraya - Lebuhraya di bawah seliaan LLM. Dokumen BIM tersebut telah pun disiapkan dan digunapakai oleh LLM pada Oktober 2021.

four (4) Performance Audits and two (2) Follow-up Audits to ensure integrity and good governance continue at HAM.

In order to formulate the direction of HAM to achieve the mission and vision that has been set, a total of six (6) strategic cores, 21 strategies and 53 action plans have been outlined in the HAM Strategic Plan 2021-2025. This is supported by target indicators, target achievement period and responsible parts to ensure its implementation in a comprehensive and holistic manner. All HAM members need to make this strategic plan the core and main reference for all planning and implementation of annual organizational activities.

In addition, among the landmarks of HAM in 2021 is developing the HAM 2021-2025 Digitalization Strategic Plan (PSP). Through this PSP, HAM has set 4 strategic pillars that include 9 strategies and 82 subprograms. Therefore, I hope that all HAM members can ensure that the efforts and planning contained in this plan can be implemented comprehensively to fulfill the government's desire to improve the use of ICT in public services.

In order to respond to the Government's recommendations in the construction industry transformation program, HAM is working and committed to realizing the transformation of work processes related to planning, design, construction and maintenance as well as highway supervision by applying Building Information Modeling (BIM). The planning period for BIM implementation at HAM is for 5 years and is expected to be fully utilized after 2025 for the management of toll highway development in Malaysia. As a start to the HAM initiative towards the implementation of BIM, Universiti Malaysia Pahang Holdings (UMPH) has been appointed as a consultant for the BIM Document Development Study for Highways under the supervision of HAM. The BIM document has already been completed and used by HAM in October 2021.

Pada 22 Disember 2021, jajaran Seksyen 4 Lebuhraya Setiawangsa - Pantai (SPE) dari Taman Melati ke Setiawangsa sepanjang 4.27 km telah berjaya dibuka kepada lalulintas. Seksyen-seksyen lain pula dijangka siap dan akan dibuka sepenuhnya pada Jun 2022. Pembukaan jajaran di Seksyen 4 SPE ini secara keseluruhannya terbukti dapat mengurangkan masalah kesesakan lalulintas yang dihadapi pengguna lebuhraya terutamanya di timur Kuala Lumpur untuk masuk dan keluar dari Pusat Bandar Kuala Lumpur.

Seterusnya, LLM dengan kerjasama Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan Badan Kebajikan Sosial dan Sukan (BKSS) telah melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bersama warga LLM pada tahun 2021. Antara program CSR tersebut termasuklah sumbangan bencana banjir, bantuan kewangan dan pemberian pek Ramadhan. LLM juga berkolaborasi dengan Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) melalui Program Ihya' Ramadhan Tautan Kasih Insan menyalurkan pek makanan kepada peronda lebuhraya. Terima kasih diucapkan dan diharap usaha murni ini dapat diteruskan pada masa hadapan.

Pelbagai inisiatif dan aktiviti telah dilaksanakan oleh warga LLM dalam usaha meningkatkan keyakinan pengguna terhadap industri lebuhraya. Ianya diharapkan terus mendapat sokongan padu semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam industri ini. Semoga segala pencapaian dan kejayaan yang diraih pada tahun 2021 dapat dijadikan sebagai sumber inspirasi dan pembakar semangat kepada pemegang taruh industri lebuhraya untuk menjadi yang terbaik.

Akhir kata, saya mengharapkan agar prestasi dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua warga LLM diteruskan dengan lebih cemerlang pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Dato' Ir. Mohd Shuhaimi Bin Hassan
Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia

On December 22, 2021, the 4.27 km section of the Setiawangsa - Pantai Expressway (SPE) from Taman Melati to Setiawangsa was successfully opened to traffic. The other sections are expected to be completed and will be fully opened in June 2022. The opening of the alignment in Section 4 of this SPE as a whole has proven to reduce the problem of traffic congestion faced by highway users, especially in the east of Kuala Lumpur to enter and exit Kuala Lumpur City Center.

Next, HAM in collaboration with the Departmental Joint Council (MBJ) and the Social Welfare and Sports Agency (BKSS) has implemented a Corporate Social Responsibility (CSR) Program with HAM members in 2021. Among the CSR programs include flood disaster donations, financial assistance and Ramadhan gift packs. HAM also collaborates with the Department Islamic Development Malaysia (JAKIM) through the Ihya' Ramadhan Tautan Kasih Insan Program to distribute food packs to the highway patrol. Thank you and I hope this noble effort can continue in the future.

Various initiatives and activities have been implemented by HAM members in an effort to increase user confidence in the highway industry. It is hoped that it will continue to receive strong support from all parties involved either directly or indirectly in this industry. Hopefully all the achievements and successes achieved in 2021 can be used as a source of inspiration and fuel for the stakeholders of the highway industry to be the best.

Finally, I hope that the performance and commitment shown by all HAM members will continue with more excellence in the future.

Thank you.

Dato' Ir. Mohd Shuhaimi Bin Hassan
Director General,
Highway Authority Malaysia





LAPORAN PETUNJUK
PRESTASI UTAMA
KEY PERFORMANCE
INDICATOR

1 | BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KRA)/ KEY RESULT AREA (KRA)

MEMASTIKAN PEMBINAAN LEBUH RAYA DISIAPKAN MENGIKUT JADUAL DAN PIAWAIAN YANG DITETAPKAN/ ENSURING THE CONSTRUCTION OF HIGHWAY IS COMPLETED ACCORDING TO SCHEDULE AND STANDARDS THAT HAVE BEEN SET



Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama LLM bagi Tahun 2021 adalah
Achievement of HAM Key Performance Indicator for Year 2021 is 99.89%



PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
 KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)



PENCAPAIAN KPI (%)
 KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

1. Mencapai sasaran status kemajuan pembinaan lebuhraya

Achieve highway construction progress status targets

- LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT (WCE)
WEST COAST EXPRESSWAY (WCE)
- LEBUHRAYA DAMANSARA-SHAH ALAM (DASH)
DAMANSARA-SHAH ALAM ELEVATED EXPRESSWAY (DASH)
- LEBUHRAYA SUNGAI BESI-ULU KLANG (SUKE)
SUNGAI BESI-ULU KLANG ELEVATED EXPRESSWAY (SUKE)
- LEBUHRAYA LEMBAH KELANG TIMUR (EKVE)
EAST KLANG VALLEY EXPRESSWAY (EKVE)
- LEBUHRAYA PUTRAJAYA-KLIA (MEX II)
PUTRAJAYA-KLIA EXPRESSWAY (MEX II)
- LEBUHRAYA SETIAWANGSA-PANTAI (SPE)
SETIAWANGSA-PANTAI EXPRESSWAY (SPE)



PENCAPAIAN KPI (%)
 KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

2. Penilaian QCLASSIC bagi projek lebuhraya yang telah siap pada tahun 2021

QCLASSIC evaluation of highway projects that have been completed in 2021

2

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KRA)/ KEY RESULT AREA (KRA)

MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN, PENGURUSAN DAN KAWALSELIAAN LEBUH RAYA/ STRENGTHEN THE DEVELOPMENT, MANAGEMENT AND REGULATION OF HIGHWAYS

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KEY PERFORMANCE
INDICATOR (KPI)

- Menghasilkan dokumen BIM yang komprehensif dan lengkap bagi kegunaan projek-projek penswastaan lebuhraya termasuk pelaksanaan Pilot Project berdasarkan dokumen BIM yang dibangunkan

Produce a comprehensive and complete BIM document for the use of highway privatisation projects, including the implementation of the Pilot Project based on the BIM document developed



PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

- Memuktamadkan draf diperingkat LLM cadangan penambahbaikan dan pemurnian klausa Teknikal Appendix sedia ada di dalam Perjanjian Konsesi Lebuhraya bagi rundingan pelaksanaan 4 lebuhraya yang telah mendapat kelulusan prinsip

Finalize the HAM graded draft of the proposed improvement and refinement of the existing Technical Appendix Clause in the Highway Concession Agreement for the negotiation of the implementation of 4 highways that have been approved in principle




PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

- Garis panduan pengiraan kos operasi & penyenggaraan yang standard bagi setiap kategori permohonan kerja PTL untuk rujukan permohonan.

Standard operation & maintenance cost calculation guidelines for each PTL job application category for application reference.




PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

- Pelaksanaan Program Penilaian Kemampuan dan Keupayaan Kontraktor yang Berpengalaman di dalam Projek-Projek Pembinaan Lebuhraya Penswastaan.

Implementation of the Program to Assess the Ability and Capability of Experienced Contractors in Privatization Highway Construction Projects.



PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

- Penarafan semula MyGHI bagi 6 lebuhraya yang telah dinilai pada tahun 2016

MyGHI re-rating of 6 highways that were rated in 2016

2 BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KRA)/ KEY RESULT AREA (KRA)

MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN, PENGURUSAN DAN KAWALSELIAAN LEBUH STRENGTHEN THE DEVELOPMENT, MANAGEMENT AND REGULATION OF HIGHWAYS

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)

8. Juruukur Tanah Berlesen (JTB) lantikan LLM melaksanakan kerja-kerja ukur bagi tujuan perizaban lebuhraya di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965

Licensed Land Surveyor (JTB) appointed by HAM to carry out survey work for the purpose of highway reservation under Section 62 of the National Land Code 1965



PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

9. Syarikat Konsesi memantau pelaksanaan kerja-kerja ukur bagi tujuan perizaban lebuhraya di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965 oleh JTB lantikannya supaya memenuhi obligasinya di dalam perjanjian konsesi lebuhraya.

The Concession Company monitors the implementation of surveying works for the purpose of highway reservation under Section 62 of the National Land Code 1965 by the JTB to fulfill its obligations in the highway concession agreement.



PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

10. Melaksanakan kajian perundangan berhubung LLM sebagai penguatkuasa kesalahan tol selaras dengan pelaksanaan Sistem Multi Lane Free Flow (MLFF) di lebuhraya bertol di Malaysia

Carrying out a legal study regarding HAM as an enforcer of toll offenses in line with the implementation of the Multi Lane Free Flow (MLFF) System on tolled highways in Malaysia



PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

11. Mengadakan libat urus dengan jabatan/agensi Kerajaan yang terlibat dengan kerja-kerja pengukuran halus (untuk tujuan pengeluaran hakmilik) dan perizaban lebuhraya


Deal with government departments/agencies involved in fine measurement works (for the purpose of title issuance) and highway reservation

3 BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KRA)/ KEY RESULT AREA (KRA)

MEMBERIKAN PERKHIDMATAN LEBUH RAYA YANG CEKAP, SELESA DAN SELAMAT SERTA MEMENUHI KEPUASAN PENGGUNA/ PROVIDE EFFICIENT, COMFORTABLE AND SAFE HIGHWAY SERVICES THAT MEET USER SATISFACTION

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)



4 | BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KRA)/ KEY RESULT AREA (KRA)

MENINGKATKAN IMEJ LLM/ ENHANCING THE IMAGE OF HAM

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)

18. Menyediakan pindaan Akta LLM (Akta 231)
Prepare amendments to the HAM Act (Act 231)



PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

66%

19. Penyediaan Dokumen Pelan Strategik Bisnes (PSB) LLM
Preparation of HAM Strategic Business Plan (SBP) documents



PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

20. Memastikan penjimatan dari peruntukan belanja mengurus tahunan yang diluluskan
Ensure savings from approved annual operating budget allocations



PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

21. Mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan
Achieve set revenue targets



PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

22. Memantau pelaksanaan projek-projek ICT sebagaimana yang dirancang di dalam Pelan Strategik Pendigitalan LLM 2021-2025.
Monitor the implementation of ICT projects as planned in the HAM Digitalization Strategic Plan 2021-2025.



PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

23. Memastikan pengurusan Tanah milik LLM lebih efisien
Ensure more efficient management of Land owned by HAM



4

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KRA)/ KEY RESULT AREA (KRA)

MENINGKATKAN IMEJ LLM/ ENHANCING THE IMAGE OF LLM

**PETUNJUK PRESTASI
UTAMA (KPI)**
KEY PERFORMANCE
INDICATOR (KPI)

24. Pelaksanaan program yang dapat meningkatkan imej dan komunikasi yang berkesan kepada rakyat
Implementation of programs that increase the image and effective communication to the people



PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

25. Perkongsian dan pemasaran maklumat LLM di media sosial rasmi LLM
Sharing and marketing of HAM information on HAM's official social media



PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

26. Memperkaya dan memperluaskan tugas kepada pegawai untuk peningkatan produktiviti, kepelbagaian pengalaman dan integriti
Job enrichment and job enlargement for officers to increase the productivity, diversity of experience and integrity



PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

27. Membangunkan Pelan Strategik Anti Rasuah LLM (OACP)
Develop an Organizational Anti-Corruption Plan (OACP)



PENCAPAIAN KPI (%)
KPI ACHIEVEMENT (%)

100%

28. Melaksanakan pengauditan berdasarkan Rancangan Tahunan Unit Audit Dalam Tahun 2021
Conduct auditing based on the Annual Plan of the Internal Audit Unit in Year 2021

Results

MARKET SEGMENTATION

OUR PRODUCT IN MASS MARKETING



	1st	2st	3st	4st
ipsum dolor sit amet	24,786	45,556	12,357	20,775
dolor sit amet	354	1,876	534	3,541
sit amet	133	190	543	784
dolor sit amet	346	134	456	246
ipsum dolor sit amet	25,599	47,756	13,890	25,326
				24,786
				354
				133
				346
				25,599
				45,556
				1,876
				190
				134
				47,756





LAPORAN **PRESTASI** *PERFORMANCE* **REPORT**

► PENYENGGARAAN DAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF LEBUH RAYA *HIGHWAY MAINTENANCE AND UPGRADING WORKS*

LAPORAN PRESTASI PENYENGGARAAN LEBUH RAYA

LLM komited dalam memastikan penyenggaraan dan pembaikpulihan aset-aset lebuah raya dilaksanakan dengan sempurna di semua 31 lebuah raya beroperasi. Selain itu, perancangan dan penyeliaan kerja-kerja penyenggaraan sentiasa dititikberatkan bagi memastikan aset-aset lebuah raya sentiasa berada pada tahap yang terbaik. Aset-aset lebuah raya diselia dan dipantau secara sistematik melalui *Expressway Performance Indicator* (EPI) dengan merekodkan segala kerosakan aset, kerja dan tempoh pembaikan secara komprehensif. Prestasi penyenggaraan lebuah raya dinilai pada setiap enam (6) bulan berdasarkan markah bulanan yang dijana secara automatik di dalam sistem. Senarai lebuah raya beroperasi pada tahun 2021 di bawah seliaan LLM adalah seperti di Jadual 1.

HIGHWAY MAINTENANCE PERFORMANCE REPORT

HAM is committed to ensure that the maintenance and rehabilitation of highway assets is carried out perfectly in all 31 operating highways. In addition, the planning and supervision of maintenance work is always emphasized to ensure that the highway assets are always at their best. Expressway assets are systematically supervised and monitored through the Expressway Performance Indicator (EPI) by comprehensively recording all asset damage, work and repair periods. Highway maintenance performance is evaluated every six (6) months based on monthly scores that are automatically generated in the system. The list of highways operating in 2021 under the supervision of HAM is as in Table 1.



Jadual 1: Maklumat Panjang Lebuhraya Bertol di Malaysia
Table 1: Detailed Information of Toll Highways in Malaysia

Bil/ No.	Kod/ Code	Lebuhraya/ Highway	Panjang/Length (KM)
1	E1	NKVE Lebuhraya Utara-Selatan & Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) <i>North-South Expressway & New Klang Valley Expressway (NKVE)</i>	467.40
2	E2	LUS Lebuhraya Utara-Selatan <i>North-South Expressway</i>	316.40
3	E3	LINKEDUA Laluan Kedua Malaysia-Singapura <i>Malaysia-Singapore Second Link</i>	47.00
4	E5	KESAS Lebuhraya Shah Alam <i>Shah Alam Expressway</i>	34.30
5	E6	ELITE Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah <i>North-South Expressway Central Link</i>	63.00
6	E7	GRANDSAGA Lebuhraya Cheras-Kajang <i>Cheras-Kajang Highway</i>	11.50
7	E8	KLK Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak <i>Kuala Lumpur-Karak Highway</i>	60.00
8	E8	LPT1 Lebuhraya Pantai Timur 1 <i>East Coast Expressway 1</i>	171.10
9	E8	LPT2 Lebuhraya Pantai Timur 2 <i>East Coast Expressway 2</i>	183.38
10	E9	BESRAYA Lebuhraya Sungai Besi <i>Sungai Besi Highway</i>	28.20
11	E10	NPE Lebuhraya Baru Pantai <i>New Pantai Expressway</i>	19.60
12	E11	LDP Lebuhraya Damansara-Puchong <i>Damansara-Puchong Highway</i>	40.00
13	E12	AKLEH Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur <i>Ampang-Kuala Lumpur Elevated Highway</i>	7.40
14	E12	LKSA Lebuhraya Kemuning-Shah Alam <i>Kemuning-Shah Alam Highway</i>	14.70
15	E15	BKE Lebuhraya Butterworth-Kulim <i>Butterworth-Kulim Expressway</i>	17.80
16	E17	LLB Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth <i>Butterworth Outer Ring Road</i>	18.93
17	E18	SILK Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Trafik Kajang <i>Kajang Dispersal Link Expressway</i>	37.00

Bil/ No.	Kod/ Code	Lebuhraya/ Highway		Panjang/Length (KM)
18	E20	MEX	Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya <i>Kuala Lumpur-Putrajaya Expressway</i>	26.00
19	E21	LEKAS	Lebuhraya Kajang-Seremban <i>Kajang-Seremban Expressway</i>	44.30
20	E22	SDE	Lebuhraya Senai-Desaru <i>Senai-Desaru Expressway</i>	77.00
21	E23	SPRINT	Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat <i>Western Kuala Lumpur Traffic Dispersal System</i>	26.00
22	E25	KLKS	Lebuhraya Kuala Lumpur- Kuala Selangor <i>Kuala Lumpur-Kuala Selangor Expressway</i>	33.00
23	E26	SKVE	Lebuhraya Lembah Klang Selatan <i>South Klang Valley Expressway</i>	52.98
24	E28	JSAHMS	Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah <i>Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Bridge</i>	24.00
25	E29	SPDH	Lebuhraya Seremban-Port Dickson <i>Seremban-Port Dickson Highway</i>	22.80
26	E30	NNKSB	Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara Baru <i>New North Klang Straits Bypass</i>	17.50
27	E32	WCE	Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (Taiping - Banting) (Seksyen 5, 8, 9 dan 10) <i>West Coast Expressway (Taiping - Banting) (Sections 5, 8, 9 and 10)</i>	74.2
28	E33	DUKE	Lebuhraya Duta-Ulu Kelang <i>Duta-Ulu Kelang Expressway</i>	30.67
29	E35	GCE	Lebuhraya Koridor Guthrie <i>Guthrie Corridor Expressway</i>	25.00
30	E36	JPP	Jambatan Pulau Pinang <i>Penang Bridge</i>	17.40
31	E38	SMART	Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir <i>Stormwater Management And Road Tunnel</i>	7.50
JUMLAH/ TOTAL				2016.05

Analisa penyenggaraan lebuh raya bagi kerja sivil dan struktur serta mekanikal dan elektrik dilaksanakan bagi tempoh setiap enam (6) bulan untuk mencapai Objektif Kualiti LLM sebagaimana berikut:-

Analysis of highway maintenance for civil and structural as well as mechanical and electrical work is carried out for a period of every six (6) months to achieve the HAM Quality Objectives as follows:-



Melaksanakan analisa penyenggaraan **dua (2) Kali Setahun** terhadap lebuh raya yang beroperasi untuk mencapai **4 Star Rating**

*To perform maintenance analysis **twice (2) a year** on operating highways in order to achieve **four (4) Star Rating***



Pemarkahan untuk *star rating* ini adalah berdasarkan *index score* seperti berikut:-

Scoring for this star rating is based on the index score as follows:-

<p>Index Score (%) 90 – 100 Star Rating ★★★★</p>	<p>Index Score (%) 70 – 89 Star Rating ★★★</p>	<p>Index Score (%) 50-69 Star Rating ★★</p>	<p>Index Score (%) <49 Star Rating ★</p>
---	---	--	--



Pengukuran prestasi lebuh raya yang membawa kepada penarafan star rating ini adalah berpandukan 3 modul utama dalam sistem *Expressway Performance Indicator* (EPI) iaitu:

1. **Operational Performance Measures (OPM)**

Pengukuran terhadap prestasi penyenggaraan aset lebuh raya.

Penyenggaraan berkala dan rutin dilaksanakan berdasarkan konsep audit sendiri:

- Pemeriksaan oleh syarikat konsesi dan auditan oleh LLM : 100% daripada jumlah panjang lebuh raya;
- Dilaksanakan pada setiap bulan oleh syarikat konsesi dan LLM; dan
- Penemuan kerosakan yang dikategorikan kepada dua (2) iaitu :
 - *Notification of defect* (NOD) dilaporkan oleh syarikat konsesi
 - *Non - compliance record* (NCR) dilaporkan oleh LLM.
(Setiap NCR yang dilaporkan / didaftarkan akan digandakan)

2. **Durability Performance Measures (DPM)**

Pengukuran terhadap prestasi ketahanan aset secara terperinci.

Berdasarkan kepada penilaian komprehensif menggunakan instrumen khas untuk mengukur ketahanan aset :

- Penilaian terhadap aset oleh pakar;
- Laporan dikemukakan setiap enam (6) bulan / satu (1) tahun dan sebagainya mengikut jenis dan kategori aset;
- Penilaian terperinci dilakukan untuk mengenal pasti kesinambungan dan ketahanan aset; dan
- Tindakan pembetulan dan pencegahan diambil terhadap penemuan.

3. **Management Performance Measures (MPM)**

Pengukuran pengurusan penghantaran laporan dan rekod aset lebuh raya.

- Penyerahan laporan adalah obligasi syarikat konsesi;
- Menunjukkan prestasi syarikat konsesi dalam pengurusan pelaporan; dan
- Kegagalan penyerahan laporan seperti yang dijadualkan akan mempengaruhi prestasi syarikat konsesi.

The measurement of highway performance leading to this star rating is based on 3 main modules in the Expressway Performance Indicator (EPI) system, namely:

1. **Operational Performance Measures (OPM)**

Measurement of highway asset maintenance performance.

Periodic and routine maintenance is carried out based on a self-audit concept:

- *Inspection by the concessionaires and audit by HAM: 100% of the total highway length;*
- *Implemented on a monthly basis by the concessionaire, and HAM; and*
- *Damage Findings are categorized into two (2), namely:*
 - *Notification of Defect (NOD) reported by the concessionaire*
 - *Non-compliance record (NCR) reported by HAM.*
(*Each NCR reported / registered will be doubled*)

2. **Durability Performance Measures (DPM)**

Detailed measurement of the assets' durability performance.

Based on a comprehensive valuation using special instruments to measure the durability of assets:

- *Valuation of assets by experts;*
- *Reports are submitted every six (6) months / one (1) year and so on according to the type and category of assets;*
- *Detailed assessments are performed to identify the continuity and durability of assets; and*
- *Corrective and preventive measures are taken against the findings.*


3. **Management Performance Measures (MPM)**

Measurement of highway asset delivery reports and records management.

- *Submission of reports is the obligation of the concessionaire;*
- *Demonstrate the performance of the concessionaire in handling the reporting; and*
- *Failure to submit the report as scheduled will affect the performance of the concessionaire.*

Pecahan pengukuran prestasi lebuh raya bagi kerja sivil dan struktur serta mekanikal dan elektrik adalah seperti berikut:

Breakdown of Highway Performance Measurement for Civil and Structural and Mechanical and Electrical is as follows:




Graf 1: Prestasi Pencapaian Penyenggaraan Sivil dan Struktur
Graph 1: Civil and Structural Maintenance Achievement Performance

Sivil dan Struktur *Civil and Structural*

JAN - JUN 2021
JAN - JUNE 2021

JULAI - DIS 2021
JULY - DEC 2021



Analisa penyenggaraan sivil dan struktur bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 menunjukkan daripada 31 lebuhraya yang beroperasi, 21 lebuhraya telah berjaya mencapai 4 *star rating*, 9 lebuhraya mencapai 3 *star rating* dan 1 lebuhraya mencapai 2 *star rating*. Seterusnya bagi tempoh Julai hingga Disember 2021, 20 lebuhraya berjaya mencapai 4 *star rating*, 11 lebuhraya mencapai 3 *star rating* manakala tiada lebuhraya mencapai 2 *star rating* dan 1 *star rating*.


Analysis of civil and structural maintenance for the period from January to June 2021 shows that out of 31 highways in operation, 21 highways have successfully achieved a 4 star rating, 9 highways have achieved a 3 star rating and 1 highway has achieved a 2 star rating. Next, for the period from July to December 2021, 20 highways managed to achieve a 4 star rating, 11 highways achieved a 3 star rating while no highway achieved a 2 star rating and 1 star rating.

Graf 2: Prestasi Pencapaian Penyenggaraan Mekanikal dan Elektrik
Graph 2: Mechanical and Electrical Maintenance Achievement Performance


Mekanikal dan Elektrik Mechanical and Electrical



JAN - JUN 2021
 JAN - JUNE 2021



JULAI - DIS 2021
 JULY - DEC 2021



Analisa penyenggaraan mekanikal dan elektrik bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 menunjukkan daripada 31 lebuhraya yang beroperasi, 25 lebuhraya telah berjaya mencapai 4 *star rating* dan 6 lebuhraya mencapai 3 *star rating*. Seterusnya bagi tempoh Julai hingga Disember 2021, 26 lebuhraya berjaya mencapai 4 *star rating* dan 5 lebuhraya mencapai 3 *star rating*.

Analysis of mechanical and electrical maintenance for the period from January to June 2021 shows that out of 31 highways in operation, 25 highways have successfully achieved a 4 star rating and 6 highways have achieved a 3 star rating. Next, for the period from July to December 2021, 26 highways achieved a 4 star rating and 5 highways achieved a 3 star rating.

Trend pada penggal pertama 2021 menunjukkan terdapat rekod 2 *star rating* untuk skop sivil dan struktur. Walau bagaimanapun pada penggal kedua 2021 tiada 2 *star rating* direkodkan. Terdapat beberapa lebuhraya yang menunjukkan peningkatan atau penurunan di antara 4 *star rating* dan 3 *star rating*.

The trend in the first term of 2021 shows that there is a record of 2 star rating for civil and structural scope. However, in the second term of 2021 no 2 star rating was recorded. There are some highways that show an increase or decrease between the 4 star rating and the 3 star rating.

Bagi skop mekanikal dan elektrik, peningkatan 1 lebuhraya kepada 4 *star rating* untuk tempoh Julai - Disember 2021 kepada 26 lebuhraya berbanding 25 lebuhraya untuk tempoh Januari - Jun 2021 menunjukkan kesungguhan syarikat konsesi untuk berusaha mencapai prestasi yang cemerlang.

For the mechanical and electrical scope, the increase of 1 highway to 4 star rating for the period July - December 2021 to 26 highways compared to 25 highways for the period January - June 2021 shows the determination of the concessionaire to strive to achieve excellent performance.

LAPORAN KERJA MENAIKTARAF LEBUH RAYA

Kerja-kerja naiktaraf lebuhraya dirancang untuk memastikan pengguna lebuhraya dapat menikmati keselesaan dan kemudahan yang baik dengan peningkatan trafik lebuhraya saban tahun. Sepanjang tahun 2021, kerja-kerja naiktaraf yang telah diluluskan merangkumi kemudahan di kawasan rehat dan rawat, hentian sebelah dan plaza tol seperti Jadual 2 serta kerja naiktaraf mekanikal dan elektrik lebuhraya seperti Jadual 3.

HIGHWAY UPGRADING WORK REPORT

The highway upgrade works are planned to ensure that highway users can enjoy good comfort and convenience with the increase in highway traffic every year. Throughout 2021, the approved upgrade works include facilities in rest and service areas, Lay-by and toll plazas as in Table 2 as well as highway mechanical and electrical upgrades as shown in Table 3.

Jadual 2: Pelaksanaan Kerja-Kerja Menaiktaraf Kawasan Rehat dan Rawat, Hentian Sebelah dan Plaza Tol
Table 2: Implementation of Work to Upgrade Rest and Service Area, Lay-by and Toll Plazas

Bil./ Num.	Naiktaraf/ Upgrade	Lebuhraya/ Highway
1	Cadangan projek reka bentuk dan pembinaan Kawasan Rehat & Rawat Seremban, arah Selatan <i>Proposed design and construction project for R&R Seremban South bound</i>	Lebuhraya Utara-Selatan <i>North-South Expressway</i>
2	Menaiktaraf Hentian Sebelah Alam Impian LKSA merangkumi: <i>Upgrading work at LKSA's Alam Impian Lay-by includes:</i> - tandas dan surau/ <i>toilet and prayer room</i> - kerja landskap/ <i>landscape work</i> - kerja infrastruktur/ <i>infrastructure work</i>	Lebuhraya Kemuning - Shah Alam <i>Kemuning - Shah Alam Expressway</i>
3	Projek naiktaraf loji rawatan kumbahan <i>Sewerage treatment plant upgrading project</i> - Plaza Tol Sg Buloh/ <i>Sg Buloh Toll Plaza</i> - Plaza Tol Kajang/ <i>Kajang Toll Plaza</i>	Lebuhraya Utara-Selatan <i>North-South Expressway</i>
Provide a green highway index for toll highways/ toll highway sections in Malaysia;


✓ Menggalakkan pelaksanaan inisiatif hijau di lebuhraya bagi menjamin kelestarian lebuhraya;
Encourage the implementation of green initiatives on highways to ensure the sustainability of highways;

✓ Memberi kesedaran pegawai/kakitangan di dalam industri lebuhraya bagi meningkatkan kefahaman dan kepakaran dalam aspek lebuhraya hijau;
Provide awareness, understanding and expertise in green highways to officers and staff in the highway industry..

✓ Mengkaji mekanisme penghargaan dan insentif kepada semua yang terlibat dalam penarafan indeks lebuhraya hijau; dan
Review the reward and incentive mechanism for those involved in the rating of the green highway index; and



Elemen Penilaian MyGHI
Elements of MyGHI Assessment



Pencapaian Penarafan Tahun 2020









Senarai jajaran atau seksyen yang telah dibuat penilaian pada tahun 2021 bagi penarafan tahun 2020.

Year 2020 Rating Achievement

List of ranks or sections that have been evaluated in 2021 for the 2020 rating.

Jadual 14: Anugerah Pencapaian untuk Kategori Lebuh Raya Bertol (Beroperasi)
Table 14: Achievement Award for Toll Highway Category (In Operation)

A. Kategori Lebuh raya Bertol (Beroperasi)/ Toll Highway Category (In Operation)

<p>1 SILVER Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Seksyen N6) <i>Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Bridge (Section N6)</i></p>		<p>5 GOLD Lebuhraya Utara - Selatan (Seksyen S1) <i>North-South Expressway (Section S1)</i></p>	
<p>2 SILVER Lebuhraya Butterworth - Kulim (Seksyen N7) <i>Butterworth - Kulim Expressway (Section N7)</i></p>		<p>6 GOLD Lebuhraya Seremban - Port Dickson (SPDH) <i>Seremban - Port Dickson Highway (SPDH)</i></p>	
<p>3 GOLD Lebuhraya Utara - Selatan (Seksyen C1) <i>North-South Expressway (Section C1)</i></p>		<p>7 GOLD Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2) <i>East Coast Expressway Phase 2 (LPT 2)</i></p>	
<p>4 GOLD Lebuhraya Utara - Selatan (Seksyen C2) <i>North-South Expressway (Section C2)</i></p>		<p>8 GOLD Terowong Jalan Raya Dan Pengurusan Air Banjir (SMART) <i>Stormwater Management and Road Tunnel (SMART)</i></p>	

LLM telah berjaya merealisasikan visi lebuh raya hijau LLM iaitu mencapai MyGHI sekurang-kurangnya pada kategori 'Certified' untuk semua lebuh raya bertol di Malaysia sehingga tahun 2020. Dalam tempoh 5 tahun bermula daripada tahun 2016 sehingga 2020, sebanyak 44 jajaran atau seksyen lebuh raya beroperasi dan 5 lebuh raya dalam pembinaan telah dinilai dan diberikan penarafan MyGHI. Daripada 49 jajaran atau seksyen lebuh raya tersebut, sebanyak 24 jajaran / seksyen lebuh raya telah menerima penarafan emas (*gold*), 16 jajaran / seksyen lebuh raya menerima penarafan perak (*silver*) dan 9 jajaran / seksyen lebuh raya menerima penarafan persijilan (*certified*).

Berdasarkan pencapaian tersebut, sebanyak 82% jajaran / seksyen lebuh raya telah melepasi sasaran awal visi lebuh raya hijau LLM. Ini membuktikan bahawa LLM telah berjaya membina kesedaran terhadap kepentingan kemampanan alam sekitar boleh dilaksanakan seiring dengan pembangunan.

HAM has successfully realized HAM vision of green highways, which is to achieve the Green Highway Index (MyGHI) Rating at least in the 'Certified' category for all tolled highways in Malaysia until 2020. In a period of 5 years starting from 2016 until 2020, as many as 44 alignments or sections of highways in operation and 5 highways under construction have been assessed and given a MyGHI rating. Out of the 49 highway sections or sections, 24 highway sections received gold rating, 16 highway sections received silver rating and 9 highway sections received certified rating.

Based on these achievements, as about 82% of highway alignments/sections have exceeded the initial target of HAM green highway vision. This proves that HAM has succeeded in building awareness of the importance of environmental sustainability that can be implemented in tandem with development.

LAPORAN LATIHAN

Pelaksanaan latihan merupakan salah satu proses pemindahan ilmu pengetahuan yang bertujuan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran sedia ada di samping mempelajari ilmu baharu bagi memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi.

Pengurusan LLM telah menetapkan sasaran hari berkursus adalah sekurang-kurangnya 5 hari setahun kepada setiap pegawai dan kakitangan LLM, selaras dengan Surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 29 Februari 2016.

Pada tahun 2021, Pengurusan LLM telah menyarankan pelaksanaan Latihan Intensif iaitu proses pembelajaran secara berfokus melalui latihan bersiri jangka sederhana selama enam (6) bulan. Tenaga pengajar yang kompeten dan berpengalaman telah dilantik untuk membimbing dan melatih pegawai-pegawai terpilih bagi melahirkan pegawai yang berpengetahuan tinggi dan mahir dalam bidang berkaitan.

Pelaksanaan latihan pada tahun 2021 lebih bertumpu secara dalam talian memandangkan negara masih dalam situasi pandemik COVID-19. Sebanyak 92% penyertaan latihan oleh pegawai dan kakitangan LLM adalah secara dalam talian.

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2021, pelaksanaan latihan di LLM adalah berdasarkan jenis kursus seperti berikut:-

Jadual 15: Jenis dan Bilangan Latihan bagi Tahun 2021
Table 15: Type and Number of Training for the Year 2021

Jenis Latihan Type of Training	Bilangan Number
Dalaman/ <i>Internal</i>	156
Luaran/ <i>External</i>	107
Jangka Panjang (cuti belajar)/ <i>Long Term (study leave)</i>	3
Jumlah/ Total	266

TRAINING REPORT

The implementation of training is one of the knowledge transfer processes that aims to improve existing knowledge and skills in addition to learn new knowledge to meet the current needs and demands in the organization.

The HAM management has set a target of at least 5 days per year for each officer and staff, in line with the Director General of Public Services' letter dated 29 February 2016.

In 2021, the HAM management has suggested the implementation of Intensive Training which is a focused learning process through medium-term serial training for six (6) months. Competent and experienced trainers have been appointed to guide and train selected officers in order to produce highly knowledgeable and skilled officers in related field.

The implementation of training in 2021 was more focused via online considering that the country was still in the situation of the COVID-19 pandemic. A total of 92% of training participation by HAM officers and staff were conducted online.

For the period from January to December 2021, the implementation of training in HAM was based on the following types of courses:-

Berikut merupakan laporan penganjuran dan penyertaan latihan sepanjang tahun 2021 iaitu:-

The following is a report on the organization and participation of training throughout the year 2021, namely:-

i. Latihan Dalaman

LLM telah berjaya menganjurkan sebanyak 156 latihan secara dalaman mengikut skop sepertimana *Training Need Analysis* (TNA) yang telah dibangunkan seperti berikut:-

ii. Internal Training

HAM has successfully organized a total of 156 trainings internally according to the scope of the Training Need Analysis (TNA) which has been developed as follows:-

Jadual 16: Skop dan Bilangan Kursus Anjuran Dalaman

Table 16: Scope and Number of In-House Training Courses

Skop Latihan <i>Course Scope</i>	Bilangan <i>Number</i>	Bilangan Penyertaan (orang) <i>Number of Participants (pax)</i>	
		Pengurusan & Profesional <i>Management & Professional</i>	Pelaksana <i>Executor</i>
Kompetensi Teras/ <i>Core Competencies</i>	25	546	548
Kompetensi Insaniah/ <i>Soft Skills Competencies</i>	8	114	276
Kompetensi Teknikal/ <i>Technical Competencies</i>	30	679	218
Kompetensi Pengurusan/ <i>Management Competencies</i>	93	1308	704
Jumlah/ Total	156	2647	1746

Sebanyak 2 modul Latihan Intensif telah dilaksanakan iaitu Latihan Intensif Trafik dan Latihan Intensif Model Kewangan. Latihan Intensif ini merupakan satu usaha ke arah meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai yang terpilih.

A total of 2 Intensive Training modules have been implemented, namely Traffic Intensive Training and Financial Model Intensive Training. This Intensive Training is an effort towards improving the skills and knowledge of the selected officers.

ii. Latihan Luaran

Latihan luaran melibatkan penyertaan kakitangan LLM di dalam kursus-kursus anjuran pihak luar sama ada agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Swasta atau Institusi Pengajian Tinggi. Sepanjang tahun 2021, Pengurusan LLM telah menghantar pegawai untuk menghadiri 107 latihan luaran mengikut skop latihan seperti berikut:-

ii. External Training

External training involves the participation of HAM staff in courses organized by external parties, whether Government agencies, Statutory and Private Bodies or Higher Education Institutions. Throughout 2021, HAM Management has sent officers to attend 107 external trainings according to the scope of training as follows:-

Jadual 17: Skop Dan Bilangan Kursus Anjuran Luaran Dalam Negeri
Table 17: Scope and Number of External Training Courses Organised in the Country

Skop Latihan <i>Training Scope</i>	Bilangan <i>Number</i>	Bilangan Penyertaan (orang) <i>Number of Participants (pax)</i>	
		Pengurusan & Profesional <i>Management & Professional</i>	Pelaksana <i>Executor</i>
Kompetensi Teras/ <i>Core Competencies</i>	10	22	43
Kompetensi Insaniah/ <i>Soft Skills Competencies</i>	18	69	279
Kompetensi Teknikal/ <i>Technical Competencies</i>	41	68	53
Kompetensi Pengurusan/ <i>Management Competencies</i>	33	116	62
Kompetensi Kepimpinan/ <i>Leadership Competencies</i>	4	37	8
Jumlah/ Total	106	312	445

iii. Latihan Jangka Panjang (Tawaran Cuti Belajar)

Terdapat dua (2) pegawai LLM yang telah menamatkan latihan jangka panjang melalui cuti belajar di peringkat sarjana, dalam bidang Sains (Infrastruktur Mampan) dan Kejuruteraan (Struktur) pada Ogos dan September 2021. Di samping itu, terdapat seorang pegawai yang masih mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan awam.


Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2021 sebanyak 266 latihan telah berjaya dihadiri oleh pegawai dan kakitangan LLM. Bilangan latihan pada tahun 2021 adalah lebih tinggi berbanding jumlah latihan pada tahun 2020 sebagaimana graf perbandingan berikut :-

iii. Long-Term Training (Study Leave Offer)

There are two (2) HAM officers who have completed long-term training through study leave at undergraduate level, in the fields of Science (Sustainable Infrastructure) and Engineering (Structural) in August and September 2021. In addition, there is one officer who is still studying Bachelor's Degree in civil engineering.

In summary, the HAM officers and staff have successfully participated in 266 courses in the year 2021. The number of training in 2021 is higher than the number of training in 2020 as shown in the following comparison graph :-

Graf 7: Perbandingan Bilangan Latihan yang Dilaksanakan pada Tahun 2020 dan 2021
Graph 7: Comparison of the Number of Training Conducted in 2020 and 2021



Peratusan pencapaian kehadiran kursus 5 hari setahun bagi pegawai LLM adalah 100%. Keberkesanan latihan yang dihadiri oleh pegawai akan dinilai oleh Pengarah Bahagian melalui Sistem Pengurusan Latihan (e-Latihan).

The percentage of attendance at the 5-day course per year for HAM officers is 100%. The effectiveness of training attended by officers will be evaluated by the Division Director through the Training Management System (e-Training).

Jadual di bawah menunjukkan purata penilaian keberkesanan latihan:

The table below shows the evaluation average of training effectiveness:

Jadual 18: Purata Penilaian Keberkesanan Latihan
Table 18: Evaluation Average of Training Effectiveness

Nama Bahagian <i>Division Name</i>	Purata Penilaian Peningkatan Kompetensi <i>Evaluation Average of Training Effectiveness</i> (Bil. Pegawai/kakitangan)/ <i>(Number of Officers)</i>				
	Sangat Baik <i>Very good</i>	Baik <i>Good</i>	Sederhana <i>Average</i>	Kurang Baik <i>Not Good</i>	Tidak Sesuai <i>Not Suitable</i>
Sumber Manusia dan Korporat <i>Human Resources and Corporate</i>	-	48	-	-	-
Pengurusan Tanah/ <i>Land Management</i>	-	2	14	-	-
Kewangan dan Pengurusan Aset <i>Financial and Asset Management</i>	-	25	-	-	-
Undang-Undang/ <i>Legal</i>	-	2	4	-	-
Pengawasan Tol/ <i>Toll Management</i>	-	15	-	-	-
Audit Dalam/ <i>Internal Audit</i>	-	6	-	-	-
Pemantauan Operasi/ <i>Operations Monitoring</i>	-	10	21	-	-
Pengurusan Rekabentuk/ <i>Design Management</i>	-	11	3	-	-
Khidmat Pakar dan Kerjasama Teknikal/ <i>Expert Service and Technical Cooperation</i>	-	6	-	-	-
Ukur Bahan Dan Kontrak/ <i>Quantity Surveying and Contract</i>	13	-	-	-	-
Perancangan/ <i>Planning</i>	-	7	-	-	-
Teknologi Maklumat/ <i>Information Technology</i>	-	14	-	-	-
Mekanikal dan Elektrik/ <i>Mechanical and Electrical</i>	1	13	-	-	-
Pengurusan Projek/ <i>Project Management</i>	6	15	-	-	-
Pejabat Wilayah Tengah/ <i>Central Region Office</i>	-	-	27	-	-
Pejabat Wilayah Utara/ <i>Northern Region Office</i>	1	10	13	-	-
Pejabat Wilayah Selatan/ <i>Southern Region Office</i>	12	2	-	-	-
Pejabat Wilayah Timur/ <i>Eastern Region Office</i>	-	15	-	-	-
Pengurusan/ <i>Management</i>	1	1	-	-	-

Secara keseluruhannya, purata penilaian yang telah diberi oleh Pengarah Bahagian terhadap pegawai mereka adalah baik.

Overall, the evaluation average given by the Divisional Director to their officers is good.



PROJEK LEBUH RAYA
DALAM PEMBINAAN
HIGHWAY'S PROJECT
UNDER CONSTRUCTION

► **LEBUHRAYA DAMANSARA-SHAH ALAM (DASH)** **DAMANSARA-SHAH ALAM ELEVATED EXPRESSWAY (DASH)**

Latar Belakang Pembinaan Lebu Raya

Pembangunan yang semakin meningkat dan rancak di sekitar Shah Alam dan Jalan Batu Arang menyebabkan kemudahan rangkaian jalan raya yang lebih baik amat diperlukan. Oleh yang demikian, syarikat PROLINTAS mencadangkan supaya lebu raya baharu iaitu Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH) dibina bagi memberikan laluan alternatif kepada pengguna. Lebu raya ini adalah sebagai penghubung antara kawasan timur dan barat Lembah Klang dengan menghubungkan lebu raya dan jalan raya sedia ada seperti Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE), Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE), Jalan Sungai Buloh, Jalan Lapangan Terbang Subang, Persiaran Surian, Persiaran Kenanga, Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dan Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT).

Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH) yang dibina di dalam kawasan Lembah Klang merupakan lebu raya bertingkat tiga (3) lorong dua hala dengan 13 persimpangan serta mempunyai lorong kecemasan selebar 3 meter.

Status Semasa Pembinaan

Pembinaan DASH bermula pada 29hb Ogos 2016 dan dijangka siap pada bulan September 2022. Sehingga 31 Disember 2021, peratus kemajuan pembinaan DASH telah dicapai adalah 96.98%.

Cabaran Sepanjang Pembinaan

Antara cabaran yang dihadapi sepanjang tahun 2021 adalah:-

1. Pandemik COVID-19

Sejak negara dilanda pandemik COVID-19 pada bulan Mac tahun 2020, hampir semua sektor terjejas termasuk kerja-kerja pembinaan. Pelbagai cabaran dihadapi sehingga mengakibatkan

Background of Highway Construction

The increasing and vigorous development around Shah Alam and Jalan Batu Arang calls for a better road network facility. Therefore, the PROLINTAS company proposes that a new highway, the Damansara-Shah Alam Elevated Expressway (DASH) be built to provide an alternative route for users. This highway is a link between the eastern and western areas of the Klang Valley by connecting existing highways and roads such as Guthrie Corridor Highway (GCE), New Klang Valley Highway (NKVE), Sungai Buloh Road, Subang Airport Road, Persiaran Surian, Persiaran Kenanga, Damansara-Puchong Expressway (LDP) and Western KL Traffic Dispersal System Expressway (SPRINT).

The Damansara-Shah Alam Elevated Expressway (DASH) built in the Klang Valley area is a three (3) lane two-way elevated expressway with 13 intersections and has a 3 meter wide emergency lane.

Current Status of Construction

DASH construction started on 29th August 2016 and is expected to be completed in September 2022. As of 31 December 2021, the progress percentage of DASH construction that has been achieved is 96.98%.

Challenges Throughout Construction

Among the challenges faced in year 2021 are:-

1. The COVID-19 pandemic

Since the country was hit by the COVID-19 pandemic in March 2020, almost all sectors were affected including construction works. Various challenges were faced by construction

banyak projek pembinaan berhadapan dengan pelbagai masalah seperti bekalan bahan binaan, keperluan mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh KKM, kekurangan tenaga kerja dan lain-lain yang mana menyebabkan kelewatan projek secara keseluruhan.

projects such as supply of materials, compliance in Ministry of Health is procedures, manpower shortage and other problems which delayed the projects.

2. Pembinaan di atas aliran trafik sedia ada

Sebanyak 70% pembinaan Lebuhraya DASH yang melibatkan laluan trafik sedia ada. Cabaran semasa melaksanakan kerja-kerja pembinaan di laluan trafik sedia ada adalah pengurusan trafik yang melibatkan penutupan lorong atau jalan bagi memastikan keselamatan serta keselesaan pengguna terjamin.

2. Construction on existing road traffic flow

A total of 70% of DASH Highway construction involves existing traffic routes. The challenge when carrying out construction works on existing traffic routes is traffic management that involves closing lanes or roads to ensure the safety and comfort of users.

FAKTA LEBUHRAYA DASH DASH EXPRESSWAY FACTS

Panjang Keseluruhan/
Total Length

20.1

Kos Pembinaan/
Construction Cost

RM 4.178 billion

Kos Pengambilan Tanah
Land Acquisition Cost

RM 880 juta/million

(had siling tanggungan Kerajaan/
the ceiling limit of the
Government's liability)

Mula Pembinaan/
Start of Construction

**29 Ogos 2016/
29 August 2016**

Jangka Siap
Estimated Date of Completion

**21 September 2022
21 September 2022**

Pelan Jajaran Keseluruhan Lebuhraya DASH/ DASH Expressway Alignment Overall PlanKemajuan



Kemajuan Pembinaan di Tapak/ Construction Progress On Site



**Jajaran Lebuhraya DASH
di Puncak Perdana**
DASH Expressway Alignment
at Puncak Perdana



**Jajaran Lebuhraya DASH
di Jalan Sungai Buloh**
DASH Expressway Alignment
at Sungai Buloh

► LEBUHRAYA BERTINGKAT SUNGAI BESI-ULU KELANG (SUKE) SUNGAI BESI-ULU KELANG ELEVATED EXPRESSWAY (SUKE)

Latar Belakang Pembinaan Lebu Raya

Lebuhraya SUKE sepanjang 24.4 km menghubungkan Sri Petaling dari Lebuhraya KESAS sehingga Bukit Antarabangsa di Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) dengan melalui kawasan Sungai Besi, Persiaran Alam Damai, Taman Leng Seng, Cheras Hartamas, Bukit Teratai, Tasek Tambahan, Jalan Putra dan Jalan Ampang.

Lebuhraya SUKE juga menghubungkan dengan rangkaian lebu raya dan jalan raya sedia ada iaitu Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Lebuhraya KL-Seremban (KL-Seremban), Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA), Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2), Lebuhraya Cheras-Kajang (GRANDSAGA), Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH) dan Lebuhraya Duta-Ulu Klang (DUKE).

Status Semasa Lebu Raya

Sehingga berakhir Disember 2021, peratus kemajuan pembinaan SUKE adalah 94.35% dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2022.

Cabaran Sepanjang Pembinaan

Antara cabaran yang dihadapi sepanjang tahun 2021 adalah:

- Kesan penularan pandemik COVID-19 terutamanya kepada pekerja-pekerja pembinaan yang positif COVID-19 kerja-kerja pembinaan terganggu dan tertangguh.
- Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh kerajaan bermula 18 Mac 2020 sehingga 28 Jun 2021 telah menyebabkan kerja-kerja kontraktor terganggu / tertangguh dengan bekalan bahan pembinaan yang terjejas akibat penguatkuasaan PKP di mana pembekal-pembekal dan pengilang-pengilang tidak beroperasi sepenuhnya dan tidak dapat membekal bahan-bahan pembinaan ke tapak projek.
- Perlaksanaan penutupan/ lencongan jalan-jalan utama juga antara cabaran utama disebabkan kawasan pembinaan yang terlibat berada di jalan-jalan yang sesak dan berkepadatan tinggi seperti Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) dan Jalan Ampang.

Background of Highway Construction

The 24.4 km long SUKE highway connects Sri Petaling on the KESAS Highway to Bukit Antarabangsa on Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) by passing through Sungai Besi, Persiaran Alam Damai, Taman Leng Seng, Cheras Hartamas, Bukit Teratai, Tasek Tambahan, Jalan Putra and Jalan Ampang.

The SUKE Expressway also connects with the existing network of highways and roads, namely the Shah Alam Expressway (KESAS), the KL-Seremban Expressway (KL-Seremban), the Sungai Besi Expressway (BESRAYA), Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2), the Cheras-Kajang Expressway (GRANDSAGA), Ampang-Kuala Lumpur Elevated Expressway (AKLEH) and Duta-Ulu Klang Expressway (DUKE).

Current Status of the Highway

Until the end of December 2021, the percentage of SUKE construction progress is 94.35% and is expected to be fully completed in August 2022.

Challenges Throughout Construction

Among the challenges faced in year 2021 are:

- *The impact of the COVID-19 pandemic, especially on construction workers who were positive for COVID-19, caused construction work to be disrupted and delayed.*
- *The Movement Control Order (MCO) enforced by the Government from 18 March 2020 until 28 June 2021 had caused the contractor's work to be disrupted / delayed with the supply of construction materials affected due to the enforcement of the MCO where suppliers and manufacturers were not fully operational and unable to supply construction materials to the project site.*
- *The closure/diversion of main roads was also one of the main challenges due to the construction areas involved being on congested and high-density roads such as Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) and Jalan Ampang.*

**FAKTA LEBUHRAYA SUKE
SUE EXPRESSWAY FACTS**

Panjang Keseluruhan/
Total Length
24.4 km

Kos Pembinaan/
Construction Cost
RM 5.272 billion

Kos Pengambilan Tanah
Land Acquisition Cost
RM 1.14 billion
(Had siling tanggungan Kerajaan)/
the ceiling limit of the
Government's liability)

Mula Pembinaan/
Start of Construction
29 Ogos 2016/
29 August 2016

Jangka Siap
Estimated Date of Completion
12 Ogos 2022
12 August 2022

**Kemajuan Pembinaan di Tapak
Construction Progress on Site**



Persimpangan Bertingkat Cheras - Kajang (suaimuka dengan GRANDSAGA)
Elevated Intersection Cheras - Kajang (meets with GRANDSAGA)



Plaza Tol Ampang dan Jajaran di Kawasan Bandar Baru Ampang
Ampang Toll Plaza and Bandar Baru Ampang Area Alignment



Pelan Jajaran Lebuhraya SUKE/ SUKE Expressway Alignment Plan

► LEBUHRAYA LEMBAH KLANG TIMUR (EKVE) EAST KLANG VALLEY EXPRESSWAY (EKVE)

Latar Belakang Pembinaan Lebu Raya

Lebuhraya EKVE adalah merupakan sebahagian daripada Pelan Pembangunan Rangkaian Lebu raya yang dirancang oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) iaitu sebagai Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR). Projek KLORR dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat 1 yang melibatkan Lebuhraya EKVE yang kini sedang dalam peringkat pembinaan. Peringkat 2 pula adalah cadangan projek Lebuhraya KL Node yang merupakan sambungan kepada Lebuhraya EKVE bagi melengkapkan jaringan lebu raya ini untuk menjadi skim penyuraian trafik. Ia juga akan menjadi laluan tanpa henti untuk memendekkan perjalanan antara bandar dari utara dan selatan serta menuju ke timur melalui Lebuhraya KL-Karak (KLK). Lebuhraya EKVE juga dapat membantu mengurangkan kesesakan di Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2).

Lebuhraya EKVE ini adalah sepanjang 39.66 kilometer yang menghubungkan Ukay Perdana di Ampang dengan Bandar Sungai Long di Kajang. Lebu raya ini direka bentuk dengan dua (2) lorong, dua (2) hala serta dilengkapi dengan lima (5) persimpangan bertingkat dan lima (5) plaza tol yang menggunakan sistem tol tertutup serta dua (2) buah hentian sebelah.

Status Semasa Pembinaan

Sehingga 31 Disember 2021, kemajuan pembinaan telah mencapai 95.55% yang mana tarikh penyiapan adalah pada 15 Julai 2022. Cabaran Sepanjang Tahun 2021.

Cabaran Sepanjang Pembinaan

Antara cabaran yang dihadapi sepanjang tahun 2021 adalah:

1. Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan jangkitan Pandemik COVID-19.
2. Keperluan untuk perubahan reka bentuk bagi mengatasi masalah pengambilan balik tanah untuk memastikan kemajuan kerja di tapak mengikut jadual.

Background of Highway Construction

The EKVE Expressway is part of the Expressway Network Development Plan planned by the Ministry of Public Works (KKR) which is the Kuala Lumpur Outer Ring Road (KLORR). The KLORR project is divided into two stages, stage 1 involving the EKVE Expressway which is currently under construction. Stage 2 is the proposed KL Node Expressway project which is a connection to the EKVE Expressway to complete the expressway network to become a traffic dispersal scheme. It will also be a non-stop route to shorten the journey between the city from the north and south as well as heading east via the KL-Karak Expressway (KLK). The EKVE Expressway can also help reduce congestion at Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2).

This EKVE highway is 39.66 kilometers long that connects Ukay Perdana in Ampang with Bandar Sungai Long in Kajang. This highway is designed as two (2) two-way lanes and equipped with five (5) elevated intersections and five (5) toll plazas that use a closed toll system and two (2) lay-by.

Current Status of Construction

As of 31 December 2021, construction progress has reached 95.55% of which the completion date is 15 July 2022.

Challenges Throughout Construction

Among the challenges faced throughout 2021 are:

1. *Enforcement of the Movement Control Order (MCO) to curb the spread of the COVID-19 Pandemic infection.*
2. *The need for design changes to overcome the problem of land acquisition to ensure work progress on the site according to schedule.*

**FAKTA LEBUHRAYA EKVE
EKVE EXPRESSWAY FACTS**

Panjang Keseluruhan/
Total Length

39.66 km

Kos Pembinaan/
Construction Cost

RM1.551 billion

Kos Pengambilan Tanah
Land Acquisition Cost

RM360 juta/million

(Had siling tanggungan Kerajaan)/
(the ceiling limit of the Government's liability)

Mula Pembinaan/
Start of Construction

**10 September 2015
10 September 2015**

Jangka Siap
Estimated Date of Completion
**15 Julai 2022
15 July 2022**

**Kemajuan Pembinaan di Tapak
Construction Development on Site**



**Struktur Jambatan di Bandar Sungai Long
Bridge Structure at Bandar Sungai Long**



**Plaza Tol Bandar Mahkota Cheras
Bandar Mahkota Cheras Toll Plaza**



Pelan Jajaran Lebuhraya EKVE/ EKVE Expressway Alignment Plan

► LEBUHRAYA PUTRAJAYA-KLIA (MEX II) PUTRAJAYA-KLIA EXPRESSWAY (MEX II)

Latar Belakang Pembinaan Lebuh Raya

Lebuhraya MEX II adalah sepanjang 18 km yang menghubungkan Putrajaya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Lebuh raya ini dibina dengan tiga (3) lorong dua (2) hala dan merupakan laluan terpentas ke pusat bandar Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan sambungan terus ke KLIA dan KLIA2 yang akan mengambil masa kurang dari 30 minit. Apabila lebuh raya ini siap, ianya akan melengkapkan rangkaian lebuh raya yang menghubungkan Putrajaya, Cyberjaya serta KLIA dan seterusnya merangsang lagi pembangunan sosio ekonomi di koridor selatan Lembah Klang.

Status Semasa Pembinaan

Pembinaan Lebuhraya MEX II bermula pada 5 Oktober 2016 dan dijangka siap pada bulan Jun 2022. Sehingga berakhir Disember 2021, peratus kemajuan pembinaan telah mencapai 86.18%.

Cabaran Sepanjang Pembinaan

Antara cabaran yang dihadapi sepanjang tahun 2021:

- a) Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan jangkitan Pandemik COVID-19.
- b) Kestabilan kewangan akibat ketidaktentuan ekonomi.

Background of Highway Construction

MEX II Highway is 18 km long that connects Putrajaya to Kuala Lumpur International Airport (KLIA). This highway is built with three (3) two-way lanes and is the fastest route to Kuala Lumpur city center and the Federal Territory of Putrajaya with a direct connection to KLIA and KLIA2 which will take less than 30 minutes. When this highway is completed, it will complete the highway network connecting Putrajaya, Cyberjaya and KLIA and further stimulate socio-economic development in the southern corridor of the Klang Valley.

Current Status of Construction

The construction of the MEX II Expressway began on October 5, 2016 and is expected to be completed in June 2022. Until the end of December 2021, the percentage of construction progress has reached 86.18%.

Challenges Throughout Construction

Among the challenges faced in year 2021:

- a) *Enforcement of the Movement Control Order (MCO) to curb the spread of the COVID-19 Pandemic infection.*
- b) *Financial stability due to economic uncertainty.*

FAKTA LEBUHRAYA MEX II
MEX II HIGHWAY FACTS

Panjang Keseluruhan/
Total Length

18 km

Kos Pembinaan/
Construction Cost

RM1.25 bilion

Mula Pembinaan/
Start of Construction

5 Oktober 2016
5 October 2016

Jangka Siap
Estimated Date of Completion

4 Jun 2022
4 June 2022

Kemajuan Pembinaan di Tapak
Construction Progress on Site



Jajaran Lebuhraya MEX II yang bersambung dengan Lebuhraya MEX sedia ada
MEX Highway II alignment that connects with the existing MEX Highway



Jajaran Lebuhraya MEX II di kawasan Cyberjaya
MEX II Highway alignment in Cyberjaya area

Putrajaya/Cyberjaya - KLIA/KLIA2



Pelan Jajaran Lebuhraya MEX II/ MEX II Highway Alignment Plan

► **SETIAWANGSA-PANTAI EXPRESSWAY (SPE)** **SETIAWANGSA-PANTAI EXPRESSWAY (SPE)**

Latar Belakang Pembinaan Lebu Raya

Projek Lebuhraya SPE sepanjang 32 km ini, merupakan pelengkap kepada Lebuhraya DUKE sedia ada yang menyediakan laluan trafik keluar dan masuk pusat bandar Kuala Lumpur selain Jalan Lingkaran Tengah (MRR1 & MRR2) dengan reka bentuk dua (2) lorong dua (2) hala. Lebu raya ini bersama-sama dengan Lebuhraya DUKE, DUKE Extension (DUKE2) dan Lebuhraya SPRINT menjadi laluan jajaran yang dipanggil *KL City Bypass*. Di samping itu, pengguna juga dapat menikmati akses kepada kemudahan awam lain seperti LRT, MRT dan KTMB yang berada bersebelahan laluan Lebuhraya SPE dan DUKE.

Status Semasa Lebu Raya

Sehingga bulan Disember 2021, kemajuan Lebuhraya SPE telah mencapai 90.90% secara keseluruhannya. Pembinaan Lebuhraya SPE telah dimulakan pada 18 Mei 2017 dan dijangka siap pada Jun 2022. Sebahagian jajaran Lebuhraya SPE di Seksyen 4 sepanjang 4.27 km iaitu dari Taman Melati ke Setiawangsa telah dibuka kepada pengguna pada 22 Disember 2021.

Cabaran Sepanjang Pembinaan

Lanjutan daripada keadaan semasa pandemik COVID-19 pada tahun 2021, pembinaan Lebuhraya SPE menghadapi halangan dan cabaran, di antaranya penangguhan pembinaan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai Mac 2020, kesukaran perancangan dan pembinaan fizikal, bekalan bahan binaan terjejas dan kekangan tenaga kerja.

Background of Highway Construction

This 32 km long SPE Expressway project is a complement to the existing DUKE Expressway which provides a loop of interlaced traffic routes to and from Kuala Lumpur city center in addition to Jalan Lingkaran Tengah (MRR1 & MRR2) with a design of two (2) two-way lanes. This expressway together with the DUKE Expressway, DUKE Extension (DUKE2) and the SPRINT Expressway form a circle called the KL City Bypass. In addition, users can also enjoy access to other public facilities such as LRT, MRT and KTMB which are adjacent to the SPE and DUKE Expressway.

Current Status of Construction

As of December 2021, the progress of the SPE Highway has reached 90.90% overall. Construction of the SPE Highway started on 18 May 2017 and is expected to be completed in June 2022. Part of the SPE Highway in Section 4 which is 4.27 km long, from Taman Melati to Setiawangsa, was opened to users on 22 December 2021.

Challenges Throughout Construction

In continuation of the situation during the COVID-19 pandemic in 2021, the construction of the SPE Highway faced obstacles and challenges, among them the delay in construction due to the implementation of the Movement Control Order (MCO) from March 2020, difficulties in planning and physical construction as the supply of building materials was affected and labor constraints.

FAKTA LEBUHRAYA SPE
SPE EXPRESSWAY FACTS

Panjang Keseluruhan/
Total Length
32 km

Kos Pembinaan/
Construction Cost
RM3.738 bilion

Kos Pengambilan Tanah
Land Acquisition Cost
RM350 juta/bilion
(Had siling tanggungan Kerajaan/
the ceiling limit of the
Government's liability)

Mula Pembinaan/
Start of Construction
18 Mei 2017
18 May 2017

Jangka Siap
Estimated Date of Completion
3 Jun 2022
3 June 2022


Kemajuan Pembinaan di Tapak
Construction Progress on Site



Kerja-kerja struktur di Seksyen 2 Bandar Malaysia (Lapangan Terbang Sungai Besi)
Structural works in Bandar Malaysia Section 2 (Sungai Besi Airport)



Persimpangan Bertingkat Setiawangsa Lebuhraya SPE
bersuaimuka dengan Lebuhraya DUKE
The Setiawangsa Elevated Intersection of the SPE Expressway
meets the DUKE Expressway



Pelan Jajaran Lebuhraya SPE/ SPE Expressway Alignment Plan

► LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT (WCE) WEST COAST EXPRESSWAY (WCE)

Latar Belakang Pembinaan Lebu Raya

Lebuhraya WCE sepanjang 233 kilometer ini sedang dalam peringkat pembinaan dengan beberapa Seksyen telah dibuka kepada pengguna iaitu satu (1) Seksyen di Selangor dan tiga (3) Seksyen di Perak. Secara keseluruhan, jajaran lebuhraya ini akan menghubungkan antara Changkat Jering, Perak dengan Banting, Selangor.

Lebuhraya WCE direka bentuk sebagai lebuhraya dua (2) lorong, dua (2) hala dengan dua puluh satu (21) persimpangan bertingkat dan dua puluh (20) plaza tol. Lebuhraya dengan panjang keseluruhan 233 kilometer ini juga adalah sebagai laluan alternatif kepada Lebuhraya Utara - Selatan (LUS) bagi mengurangkan kesesakan pada waktu cuti perayaan, cuti umum dan cuti sekolah. Di samping itu, penyediaan Lebuhraya WCE ini juga adalah sebagai pemangkin pembangunan di sepanjang koridor barat Semenanjung Malaysia.

Status Semasa Lebu Raya

Pembinaan Lebuhraya WCE telah dimulakan pada 25 Ogos 2014 dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mac 2025. Sehingga 31 Disember 2021, peratus kemajuan kerja pembinaan adalah mencapai 80.32%.

Cabaran Sepanjang Pembinaan

Antara cabaran yang dihadapi sepanjang tahun 2021:

- Penangguhan pembinaan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 - 3.0 mulai Mac 2020 sehingga Julai 2021;
- Kekangan tenaga kerja;
- Peningkatan kos bahan binaan mempengaruhi aliran tunai syarikat;
- Memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja dan di tapak bina serta keselesaan pengguna di jalan sedia ada; dan
- Pelaksanaan norma baharu dalam kerja-kerja pembinaan yang telah menjejaskan sektor pembinaan.

Background of Highway Construction

The 233 kilometer long WCE highway is currently under construction with several Sections already open to users, namely one (1) Section in Selangor and three (3) Sections in Perak. Overall, this highway line will connect between Changkat Jering, Perak and Banting, Selangor.

The WCE highway is designed as a two (2) lane two (2) way highway with twenty one (21) elevated intersections and twenty (20) toll plazas. The highway with a total length of 233 kilometers is also an alternative route to the North-South Expressway (LUS) to reduce congestion during festive holidays, public holidays and school holidays. In addition, the provision of the WCE Expressway is also a catalyst for development along the western corridor of Peninsular Malaysia.

Current Status of Highway


The construction of the WCE Expressway started on August 25, 2014 and is expected to be fully completed in March 2025. As of 31 December 2021, the progress percentage of construction work has reached 80.32%.

Challenges Throughout Construction


Among the challenges faced in year 2021 are:

- *Postponement of construction due to the implementation of the Movement Control Order (MCO) 1.0 - 3.0 from March 2020 until July 2021;*
- *Manpower constraints;*
- *The increase in the cost of construction materials affects the company's cash flow;*
- *Ensure the safety and health of workers and at the construction site as well as the comfort of users on the existing road; and*
- *Implementation of new norms in construction works that have affected the construction sector.*

Status kemajuan pembinaan jajaran di negeri Selangor adalah seperti berikut:-
The progress status of the alignment construction in the state of Selangor is as follows:-



Status kemajuan pembinaan jajaran di negeri Perak adalah seperti berikut:-
The progress status of the alignment construction in the state of Perak is as follows:-



**FAKTA LEBUHRAYA WCE
WCE EXPRESSWAY FACTS**

Panjang Keseluruhan/
Total Length

233 km

Kos Pembinaan/
Construction Cost
Negeri Selangor/
Selangor State

RM 3.122 billion/billion

Negeri Perak/
Perak State

RM 1.922 billion/billion

Kos Pengambilan Tanah
Land Acquisition Cost

RM980 juta/million

(had siling tanggungan Kerajaan
bagi kedua-dua negeri)
(ceiling limit of Government liability
for both states)

Mula Pembinaan/
Start of Construction

25 Ogos 2014
25 August 2014

Jangka Siap

Estimated Date of Completion
14 Mac 2025 (keseluruhan)
14 March 2025 (overall)

**Kemajuan Pembinaan di Tapak (Negeri Selangor)
Construction Progress on Site (Selangor State)**



Pembinaan jambatan
di Seksyen 7A (Kuala Selangor)
Bridge construction at Seksyen
7A (Kuala Selangor)



Kerja Pembinaan di Persimpangan
Bertingkat Banting (Seksyen 1)
Construction Work at the Banting
Elevated Intersection (Section 1)

**Kemajuan Pembinaan di Tapak (Negeri Perak)
Construction Progress on Site (Perak State)**



Pembinaan jambatan bagi
Persimpangan Bertingkat Trong,
Perak (Seksyen 11)
Bridge construction for Trong
Elevated Intersection, Perak
(Section 11)



Pembinaan jambatan merentasi
Lebuhraya PLUS di Changkat
Jering, Perak (Seksyen 11)
Construction of bridge across the
PLUS Highway in Changkat
Jering, Perak (Section 11)



- Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat
West Coast Expressway
- Lebuhraya Utara-Selatan
North-South Highway
- Sambungan Lebuhraya lain
Other Highway Connections
- Jalan Persekutuan
Federal Road
- Persimpangan
Crossroads
- Plaza Tol
Toll Plaza

20 PERSIMPANGAN
LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT
20 Intersections of the West Coast Expressway
Pelan Jajaran Lebuhraya WCE
WCE Expressway Alignment

LAPORAN
PRESTASI KEWANGAN
FINANCIAL
PERFORMANCE REPORT



Berikut merupakan prestasi kewangan bagi tempoh 5 tahun (2017- 2021):

The following is the financial performance for a period of 5 years (2017-2021):

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN INCOME AND EXPENDITURE	TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER YEAR ENDED 31 DECEMBER (RM JUTA) / (RM MILLION)				
	2021	2020	2019	2018	2017
1. Jumlah Pendapatan / <i>Total Income</i>	43.98	56.75	77.19	91.59	107.59
2. Jumlah Perbelanjaan / <i>Total Expenses</i>	50.17	49.51	63.15	61.32	55.53
3. Nisbah Perbelanjaan Kepada Pendapatan / <i>Expenditure to Income Ratio</i>	0.88	1.15	1.22	1.49	1.93
4. (Rugi)/Untung Bersih Bagi Tahun / <i>(Net Loss)/Profit for The Year</i>	(6.19)	7.24	14.04	30.26	52.06

Pada tahun 2021, jumlah pendapatan LLM menurun sebanyak RM12.77 juta (22.50%) berbanding RM56.75 juta pada tahun 2020. Perbelanjaan bagi tahun 2021 pula meningkat sebanyak RM0.66 juta (1.33%) berbanding RM49.51 juta pada tahun 2020.

In 2021, total HAM income decreased by RM12.77 million (22.50%) compared to RM56.75 million in 2020. Expenses for 2021 increased by RM0.66 million (1.33%) compared to RM49.51 million in 2020.

	TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER YEAR ENDED 31 DECEMBER (RM JUTA) / (RM MILLION)				
	2021	2020	2019	2018	2017
1. Jumlah Aset / <i>Total Assets</i>	111.26	110.63	108.72	107.52	100.34
- Aset Bukan Semasa / <i>Non-current assets</i>	1,321.20	1,272.82	1,339.81	1,357.84	1,430.59
- Aset Semasa / <i>Current assets</i>	1,432.46	1,383.45	1,448.53	1,465.36	1,530.93
2. Jumlah Ekuiti / <i>Total Equity</i>	(371.90)	(365.71)	(373.00)	(388.12)	(418.38)
- Kumpulan Wang Berkumpul / <i>Accumulated Fund</i>	(371.90)	(365.71)	(373.00)	(388.12)	(418.38)
3. Jumlah Liabiliti / <i>Total Liabilities</i>	1,780.27	1,727.61	1,785.94	1,762.16	1,871.24
- Liabiliti Bukan Semasa / <i>Non-Current Liabilities</i>	24.09	21.55	35.59	91.32	78.07
- Liabiliti Semasa / <i>Current liabilities</i>	1,804.36	1,749.16	1,821.53	1,853.48	1,949.31
4. Jumlah Ekuiti & Liabiliti / <i>Total Equity & Liabilities</i>	1,432.46	1,383.45	1,448.53	1,465.36	1,530.93

Terdapat peningkatan jumlah aset pada tahun 2021 sebanyak RM49.01 juta iaitu 3.54% berbanding RM1,383.45 juta pada tahun 2020. Di samping itu, jumlah liabiliti turut meningkat sebanyak RM55.20 juta iaitu 3.16% daripada RM1,749.16 juta pada tahun 2020. Jumlah kerugian terkumpul bertambah sebanyak RM6.19 juta iaitu 1.69% disebabkan kurangan pendapatan selepas cukai.

There is an increase in total assets in 2021 by RM49.01 million which is 3.54% compared to RM1,383.45 million in 2020. In addition, total liabilities also increased by RM55.20 million which is 3.16% from RM1,749.16 million in 2020. Total accumulated losses increased by RM6.19 million which is 1.69% due to deficit in income after-tax.

Berikut merupakan analisa kewangan bagi tempoh 5 tahun (2021 - 2017):

The following is the financial analysis for the period of 5 years (2021 - 2017):

ANALISA KEWANGAN 5 TAHUN LLM
HAM'S 5 YEARS FINANCIAL ANALYSIS

NISBAH KEWANGAN <i>FINANCIAL RATIO</i>	TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER <i>YEAR ENDED 31 DECEMBER</i> (RM JUTA) / (RM MILLION)				
	2021	2020	2019	2018	2017
NISBAH KECAIRAN / <i>LIQUIDITY RATIO</i>					
- Nisbah Semasa / <i>Current Ratio</i>	54.84	59.06	37.65	14.87	18.38
- Nisbah Tunai / <i>Cash Ratio</i>	51.74	57.67	35.92	14.22	17.65

Nisbah Semasa

Pada tahun 2021, LLM mempunyai aset semasa 54.84 kali ganda daripada liabiliti semasa. Ini bermakna LLM mempunyai kemampuan untuk membayar balik liabiliti semasa/hutang jangka pendek. Nisbah semasa tahun 2021 menurun sebanyak 4.22 mata berbanding 59.06 bagi tahun 2020.

Current Ratio

In 2021, HAM has current assets 54.84 times its current liabilities. This means HAM has the ability to repay current liabilities/short-term debt. The ratio during 2021 decreased by 4.22 points compared to 59.06 for 2020.

Nisbah Tunai

Nisbah tunai sebanyak 51.74 menunjukkan dimana aset-aset cair dipegang oleh LLM berbanding dengan jumlah liabiliti semasa. Nisbah ini menunjukkan kecairan sebenar LLM dalam membiayai liabiliti semasa tanpa mengambilkira aset semasa yang belum pasti dapat ditunaikan dalam masa yang singkat.

Cash Ratio

The cash ratio of 51.74 shows the liquid assets held by HAM compared to the total current liabilities. This ratio shows HAM's real liquidity in financing current liabilities without considering current assets that are not certain to be liquidated in a short time.

LAPORAN KE ATAS BANTUAN KERAJAAN
REPORT ON ASSISTANCE GIVEN BY GOVERNMENT

BANTUAN KERAJAAN <i>GOVERNMENT ASSISTANCE</i>	TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER <i>YEAR ENDED 31 DECEMBER</i> (RM JUTA) / (RM MILLION)	
	2021	2020
PEMBERIAN (GERAN) / <i>GRANTS</i>		
- Pemberian Perbelanjaan Pembangunan / <i>Grant of Development Expenditure</i>	66,809,811	-
PINJAMAN / <i>LOAN</i>	100,000	100,000

Pemberian geran

Pemberian oleh Kerajaan ini bertujuan bagi membiayai kos-kos pembangunan lebuh raya mengikut keperluan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Pinjaman

Pinjaman ini bertujuan untuk membiayai projek lebuh raya iaitu Projek Lebuhraya Utara-Selatan, Jambatan Pulau Pinang dan Lebuhraya KL-Karak. Amaun bayaran balik pinjaman diterima adalah mengikut kemampuan kerajaan menyediakan peruntukan. Baki pinjaman sehingga 31 Disember 2021 ialah sebanyak RM767,677,450.

Grants

This grant by the Government aims to finance the costs of highway development as required in the 11th Malaysia Plan.

Loan

The loan is intended to finance highway projects namely the North-South Highway Project, the Penang Bridge, and the KL-Karak Highway. The amount of loan repayment received is according to the government's ability to provide provisions. The loan balance until 31 December 2021 is RM767,677,450.



PENYATA
KEWANGAN
FINANCIAL
STATEMENTS



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 37.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 [Akta 231].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Lembaga, Lembaga Lebuhraya Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 [Akta 231]. Anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia, Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Lebuhraya Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Lebuhraya Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Ahli Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Lembaga, Lembaga Lebuhraya Malaysia berdasarkan keperluan Akta Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Perbadanan) 1980 [Akta 231] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(NORLIZA BINTI MD. NURUDDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
26 OGOS 2022




Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) | 1
Dibubuhkan di bawah Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 (Aira 231)

Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, **Datuk Abdul Rashid Bin Asari** dan **Dato' Ir. Mohd Shuhaimi Bin Hassan** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih / Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Lebuhraya Malaysia pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



.....
DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI
Pengerusi

Tarikh: 28 MAR 2022

Selangor Darul Ehsan

Bagi pihak Lembaga,



.....
DATO' IR. MOHD SHUHAIMI BIN HASSAN
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh: 28 MAR 2022

Selangor Darul Ehsan

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) | 2
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1960 (Akta 231)

Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan

Saya, **Haslina Binti Hashim**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Lebuhraya Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih / Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Selangor Darul Ehsan)
pada **28 MAR 2022**)

Amg Hashim
HASLINA BINTI HASHIM



PESURUHJAYA SUMPAH

No. 47D, Tingkat 1,
Jalan Sulaiman,
43000 Kajang, Selangor.
012-2852486

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021
Statement of Financial Position as at 31 December 2021

	Nota/ Note	2021 RM	2020 RM seperti dinyatakan semula as restated
ASET SEMASA / CURRENT ASSETS			
Baki bank dan wang tunai / <i>Cash and cash equivalents</i>	4	55,297,685	24,819,003
Simpanan tetap / <i>Fixed deposits</i>	5	1,191,000,000	1,218,000,000
Urusniaga pertukaran belum terima <i>Receivable from exchange transactions</i>	6	58,595,363	17,938,921
Lebihan bayaran cukai / <i>Tax receivable</i>		16,308,909	12,069,750
		1,321,201,957	1,272,827,674
ASET BUKAN SEMASA / NON CURRENT ASSETS			
Urusniaga pertukaran belum terima / <i>Receivable from exchange transactions</i>	6	219,564	232,343
Hartanah, loji dan peralatan / <i>Property, plant and equipment</i>	7	54,500,434	56,145,997
Hartanah pelaburan / <i>Investment properties</i>	8	54,379,000	52,860,550
Aset tidak ketara / <i>Intangible assets</i>	9	2,158,579	1,389,452
		111,257,577	110,628,342
JUMLAH ASET/ TOTAL ASSETS		1,432,459,534	1,383,456,016
LIABILITI SEMASA / CURRENT LIABILITIES			
Urusniaga pertukaran belum bayar / <i>Payables from exchange transactions</i>	10	23,615,587	21,383,970
Peruntukan manfaat kakitangan / <i>Provision of employee benefits</i>	11	471,481	163,567
		24,087,068	21,547,537
LIABILITI BUKAN SEMASA / NON CURRENT LIABILITIES			
Urusniaga pertukaran belum bayar / <i>Payables from exchange transactions</i>	10	4,956,669	4,080,902
Wang sumbangan penyelidikan, latihan dan pembangunan lebuhraya / <i>Research, training and highway development contributions</i>	12	66,662,108	62,503,811
Dana pembangunan lebuhraya / <i>Highway development fund</i>	13	937,741,431	889,882,059
Pinjaman Kerajaan / <i>Government loan</i>	14	767,677,450	767,777,450
Peruntukan manfaat kakitangan / <i>Provision of employee benefits</i>	11	3,232,638	3,369,443
		1,780,270,296	1,727,613,665
JUMLAH LIABILITI / TOTAL LIABILITIES		1,804,357,364	1,749,161,202
LIABILITI BERSIH / NET LIABILITIES		(371,897,830)	(365,705,186)
JUMLAH EKUITI / TOTAL EQUITY		(371,897,830)	(365,705,186)
Kurangan terkumpul / <i>Accumulated deficit</i>			

Nota-nota di muka surat 8 hingga 37 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.
The notes on page 8 to 37 form an integral part of the financial statements.

Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 Statement of Financial Performance for the year ended 31 December 2021

	Nota/ Note	2021 RM	2020 RM seperti dinyatakan semula as restated
Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran / Revenue from non-exchange transactions			
Pelunasan wang sumbangan penyelidikan, latihan dan pembangunan lebuh raya <i>Amortisation of research, training and highway development contributions</i>		4,507,743	4,916,859
Pemberian peralatan / <i>Provision of equipment</i>			33,515
Pemberian Kerajaan Persekutuan / <i>Government grant</i>		100,000	100,000
		4,607,743	5,050,374
Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran / Revenue from exchange transactions			
Hasil paparan iklan / <i>Income from billboard</i>	15	6,591,520	10,249,090
Hasil pembangunan tepi lebuh raya / <i>Income from highway development services</i>	16	3,610,400	4,215,510
Hasil sewaan / <i>Rental income</i>	17	356,594	345,279
Keuntungan simpanan tetap / <i>Profit on fixed deposits</i>	18	25,724,647	35,666,352
Pelbagai pendapatan / <i>Other incomes</i>	19	3,093,813	1,228,089
		39,376,974	51,704,320
JUMLAH HASIL / TOTAL REVENUE		43,984,717	56,754,694
Perbelanjaan Pengurusan / Management Expenses			
Bayaran-bayaran lain / <i>Other expenses</i>		581,083	489,177
Bekalan bahan mentah, inventori dan bahan-bahan lain/ <i>Supply of raw materials, inventories and others</i>		751,361	955,756
Emolumen dan elaun / <i>Emoluments and allowance</i>	20	25,526,818	24,715,878
Hutang ragu / <i>Doubtful debts</i>		110,020	
Pengecualian bayaran / <i>Exemption of payment</i>		466,920	320,330
Kemudahan, penyenggaraan dan pembaikan / <i>Facilities, repairs and maintenance</i>		4,627,544	8,374,642
Lain-lain faedah kewangan / <i>Other financial benefits</i>		5,740,508	2,855,145
Pelunasan aset tidak ketara / <i>Amortisation of intangible assets</i>	9	671,787	641,066
Pengangkutan barang-barang / <i>Transportation of goods</i>		4,681	47,458
Perbelanjaan perjalanan dan sarahidup / <i>Travelling and living expenses</i>		569,480	704,340
Perhubungan dan utiliti / <i>Telecommunications and utilities</i>		1,185,137	1,315,504

Nota-nota di muka surat 8 hingga 37 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.
The notes on page 8 to 37 form an integral part of the financial statements.

**Penyata Prestasi Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 (Sambungan)**
*Statement of Financial Performance
for the year ended 31 December 2021 (Continue)*

	Nota/ Note	2021 RM	2020 RM seperti dinyatakan semula <i>as restated</i>
Perkhidmatan iktisas dan hospitaliti / <i>Professional and hospitality services</i>		5,324,790	7,414,737
Sewaan / <i>Rental</i>		199,742	188,042
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan / <i>Depreciation of property, plant and equipment</i>	7	3,201,399	2,969,991
JUMLAH PERBELANJAAN / <i>TOTAL EXPENSES</i>		48,961,270	50,992,066
(KURANGAN)/ LEBIHAN SEBELUM CUKAI / <i>(DEFICIT) SURPLUS BEFORE TAXATION</i>		(4,976,553)	5,762,628
Cukai pendapatan / <i>Taxation</i>	21	(1,216,091)	1,484,506
(KURANGAN)/LEBIHAN SELEPAS CUKAI / <i>(DEFICIT) SURPLUS AFTER TAXATION</i>		(6,192,644)	7,247,134

Nota-nota di muka surat 8 hingga 37 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.
The notes on page 8 to 37 form an integral part of the financial statements.

**Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021**
*Statement of Changes in Net Assets/Equity
for the year ended 31 December 2021*

**Kurangan
terkumpul**
*Accumulated
deficit*
RM

	Kurangan terkumpul
	<i>Accumulated deficit</i>
	RM
Pada 1 Januari 2020 / At 1 January 2020	
Sepertimana dinyatakan sebelumnya / <i>As previously stated</i>	(373,006,732)
Pelarasan tahun terdahulu (Nota 24) / <i>Prior year adjustments (Note 24)</i>	54,412
Sepertimana dinyatakan semula / <i>As restated</i>	(372,952,320)
Lebihan tahun semasa /	
<i>Surplus for the year</i>	
Sepertimana dinyatakan sebelumnya / <i>As previously stated</i>	5,939,580
Pelarasan tahun terdahulu (Nota 24) / <i>Prior year adjustments (Note 24)</i>	1,307,554
Sepertimana dinyatakan semula / <i>As restated</i>	7,247,134
Pada 31 Disember 2020/ <i>At 31 December 2020</i>	(365,705,186)
Kurangan tahun semasa / <i>Deficit for the year</i>	(6,192,644)
Pada 31 Disember 2021/ <i>At 31 December 2021</i>	(371,897,830)

Nota-nota di muka surat 8 hingga 37 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.
The notes on page 8 to 37 form an integral part of the financial statements.

Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 Statement of Cash Flows for the year ended 31 December 2021

	2021 RM	2020 RM seperti dinyatakan semula <i>as restated</i>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI / CASH FLOW FROM OPERATING ACTIVITIES		
(Kurangan)/ Lebihan sebelum cukai / <i>(Deficit)/ Surplus before tax</i>	(4,976,553)	5,762,628
Pelarasan untuk: <i>Adjustments for:</i>		
Hutang ragu / <i>Doubtful debts</i>	110,020	(10,000)
Keuntungan ke atas pelarasan nilai saksama hartanah pelaburan / <i>Gain on change in fair value of investment properties</i>	(1,518,450)	
Pengecualian bayaran / <i>Exemption of payment</i>	466,920	320,330
Pelunasan aset tidak ketara / <i>Amortisation of intangible assets</i>	671,787	641,066
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan / <i>Depreciation of property, plant and equipment</i>	3,201,399	2,969,991
Keuntungan dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan / <i>Gain on disposal of property, plant and equipment</i>	(37,307)	(134,655)
Keuntungan dari pinjaman kakitangan / <i>Gain from loans staff</i>	(11,432)	(14,747)
Keuntungan simpanan tetap / <i>Profits from fixed deposits</i>	(25,724,647)	(35,666,352)
Pelunasan wang sumbangan penyelidikan, latihan dan pembangunan lebuh raya / <i>Amortisation of research, training and highway development</i>	(4,507,743)	(4,916,859)
Caj pengurusan wang sumbangan penyelidikan, latihan dan pembangunan lebuh raya / <i>Charges for the management of research, training and highway development contributions</i>	(923,867)	(480,770)
Pelarasan dana pembangunan lebuh raya / <i>Highway development fund adjustment</i>	41,704,818	
Peruntukan manfaat kakitangan / <i>Provision of employee benefits</i>	427,337	949,126
Pendapatan/(Kerugian) dari kendalian sebelum perubahan kepada modal kerja / <i>Operating Profit/ (Loss) before changes in working capital</i>	8,882,282	(30,580,242)
Perubahan dalam / <i>Changes in</i>		
Urusniaga pertukaran belum terima / <i>Receivable in exchange transactions</i>	(41,220,603)	41,062,230
Urusniaga pertukaran belum bayar / <i>Payable in exchange transactions</i>	3,107,384	(13,002,458)
Tunai digunakan oleh aktiviti operasi / Cash flow used in operating activities	(29,230,937)	(2,520,470)
Bayaran manfaat kakitangan / <i>Payment of employee benefits</i>	(256,228)	(285,503)
Terimaan balik cukai / <i>Tax refund</i>	1,769,750	

**Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2021
(Sambungan)**
**Statement of Cash Flows for the year ended 31 December 2021
(Continue)**

	2021 RM	2020 RM
Bayaran cukai / <i>Tax payment</i>	(7,225,000)	(8,487,500)
Keuntungan dari pinjaman kakitangan / <i>Profits from staff loans</i>	11,432	14,747
Keuntungan simpanan tetap / <i>Profits from fixed savings</i>	25,724,647	35,666,352
Tunai bersih dijana/(digunakan) oleh aktiviti operasi <i>Net cash generated from/ (used in) operating activities</i>	(9,206,336)	24,387,626
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN / CASH FLOW FROM INVESTMENT ACTIVITIES		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan / <i>Purchase of property, plant and equipment</i>	(1,548,984)	(4,843,879)
Pembelian aset tidak ketara / <i>Purchase of intangible assets</i>	(1,485,943)	(680,113)
Terimaan dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan / <i>Proceeds from disposal of property, plant and equipment</i>	75,484	134,842
Tunai bersih digunakan dari aktiviti pelaburan / Net cash used from investment activities	(2,959,443)	(5,389,150)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN / CASH FLOW FROM FINANCING ACTIVITIES		
Bayaran balik Pinjaman Kerajaan / <i>Repayment of Government Loan</i>	(100,000)	(200,000)
Terimaan wang sumbangan penyelidikan, latihan dan pembangunan lebuh raya / <i>Receipts of research, training and highway development contributions</i>	9,589,907	13,064,809
Terimaan dana pembangunan lebuh raya / <i>Receipts of highway development fund</i>	99,015,714	30,091,838
Penggunaan dana pembangunan lebuh raya / <i>Utilisation of highway development fund</i>	(92,861,160)	(97,596,684)
Tunai bersih (digunakan)/dijana dari aktiviti pembiayaan <i>Net cash (used in)/ generated from financing activities</i>	15,644,461	(54,640,037)
Peningkatan/(Pengurangan) bersih tunai dan setara tunai / <i>Net Increase/ (Decrease) in cash and cash equivalents</i>	3,478,682	(35,641,561)
Tunai dan setara tunai pada awal tahun / <i>Cash and cash equivalents at beginning of year</i>	1,242,819,003	1,278,460,564
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun / Cash and cash equivalent at year end	1,246,297,685	1,242,819,003
TUNAI DAN SETARA TUNAI CASH AND CASH EQUIVALENTS		
Baki bank dan wang tunai / <i>Bank and cash balances</i>	55,297,685	24,819,003
Simpanan tetap / <i>Fixed deposits</i>	1,191,000,000	1,218,000,000
	1,246,297,685	1,242,819,003

Nota-nota di muka surat 8 hingga 37 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.
The notes on page 8 to 37 form an integral part of the financial statements.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan 31 Disember 2021 *Notes to the Financial Statements 31 December 2021*

1. MAKLUMAT AM

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Lebuhraya Raya Malaysia (Perbadanan) 1980 (Akta 231) untuk tujuan menyelia dan melaksanakan reka bentuk, pembinaan, pengawalan, pengendalian dan penyelenggaraan lebuhraya-lebuhraya antara bandar, mengenakan dan mengutip tol, membuat kontrak dan membuat peruntukan undang-undang berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Walau bagaimanapun, selepas Dasar Penswastaan Negara diperkenalkan pada tahun 1983, peranan LLM sebagaimana yang telah digariskan oleh Akta 231, telah berubah iaitu dari sebuah badan yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas lebuhraya bertol, menjadi sebuah badan yang bertanggungjawab mengawalselia pembangunan dan pengurusan lebuhraya bertol di Malaysia. Ianya bagi memastikan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya sentiasa memberikan perkhidmatan yang berkualiti, selamat dan selesa kepada pengguna-pengguna lebuhraya.

Ibu pejabat LLM terletak di Wisma Lebuhraya, KM6, Jalan Serdang Kajang, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah dibenteng dan diluluskan oleh Ahli-ahli Lembaga LLM melalui Mesyuarat Lembaga Bil 2 Tahun 2022 pada 28 Mac 2022.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Keterangan pematuhan

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi peruntukan di bawah Akta Lembaga Lebuhraya Raya Malaysia (Perbadanan) 1980 dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS - *Malaysian Public Sector Accounting Standards*) dengan mengambil kira pengecualian yang mana dibenarkan.

MPSAS 33 membenarkan pengecualian peralihan di mana entiti tidak perlu mengiktiraf dan/atau mengukur aset dan/atau liabiliti tertentu dalam tempoh 3 tahun bermula dari tarikh permulaan penggunaan MPSAS.

1. GENERAL INFORMATION

The Malaysian Highway Authority (HAM) was established under the Highway Authority Malaysia (Incorporation) Act 1980 (Act 231) to supervise and execute the design, construction, regulation, operation and maintenance of inter-urban highways, to impose and collect tolls, to enter into contracts and to provide for matters connected therewith. However, after the National Privatization Policy was introduced in 1983, the role of HAM as outlined by Act 231, has changed from a body that is fully responsible for toll highways, to a body that is responsible for regulating the development and management of toll highways in Malaysia. It is to ensure that highway concession companies always provide quality, safe and comfortable services to highway users.

The HAM head office is located at Wisma Lebuhraya, KM6, Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

The Financial Statements for the year ending 31 December 2021 were tabled and approved by the HAM Board Member through Board Meeting No. 2 Year 2022 on 28 March 2022.

2. BASIS OF PREPARATION OF FINANCIAL STATEMENTS

2.1 Compliance statement

The Financial Statements have been prepared in compliance with the provisions of the Highway Authority Malaysia (Corporation) Act 1980 and the Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) taking into account the transitional exemptions where permitted.

MPSAS 33 allows for transition exceptions where the entity is not required to recognise and/or measure certain assets and/or liabilities within 3 years from the start of the reporting period of the adoption of MPSASs.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan 31 Disember 2021

Notes to the Financial Statements 31 December 2021

Dalam penyata kewangan tahun semasa, LLM masih belum mengiktiraf liabiliti manfaat perubatan pasca persaraan yang dibayar kepada kakitangan yang telah bersara. Pengiktirafan liabiliti ini akan dilaraskan secara retrospektif kepada baki awal lebih terkumpul.

LLM mula menggunakan MPSAS untuk tahun kewangan 2019. Untuk tahun-tahun sebelumnya, penyata kewangan LLM telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Perakaunan untuk Entiti Persendirian (MPERS - *Malaysian Private Entities Reporting Standard*).

2.2. Polisi perakaunan

Pada 1 Januari 2021 adalah tahun ketiga LLM menggunakan MPSAS seperti berikut:

- MPSAS 1, Persembahan Penyata Kewangan
- MPSAS 2, Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3, Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 4, Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing
- MPSAS 5, Kos Pinjaman
- MPSAS 9, Hasil daripada Transaksi Pertukaran
- MPSAS 11, Kontrak Pembinaan
- MPSAS 12, Inventori
- MPSAS 13, Pajakan
- MPSAS 14, Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 16, Hartanah Pelaburan
- MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 19, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- MPSAS 20, Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 21, Rosot Nilai Aset Bukan Penajaan Tunai
- MPSAS 22, Pendedahan Maklumat Kewangan
- MPSAS 23, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
- MPSAS 24, Persembahan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25, Manfaat Pekerja
- MPSAS 26, Rosot Nilai Aset Penajaan Tunai
- MPSAS 27, Pertanian
- MPSAS 28, Instrumen Kewangan: Persembahan
- MPSAS 29, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- MPSAS 30, Instrumen Kewangan: Pendedahan
- MPSAS 31, Aset Tidak Ketara
- MPSAS 32, Pengaturan Konsesi Perkhidmatan : Pemberi

In the current year's financial statements, the HAM has yet to recognise the liability for post-retirement medical benefits paid to retired employees. The recognition of this liability will be adjusted retrospectively to the opening balance of the accumulated surplus.

The HAM started adopting MPSAS for the financial year 2019. For the previous year, the HAM's financial statements have been prepared in compliance with the Accounting Standards for Private Entities (MPERS-Malaysian Private Entities Reporting Standard).

2.2. Accounting policy

As of 1 January 2021 the HAM has adopted the following MPSAS for the third year:

- *MPSAS 1, Presentation of Financial Statements*
- *MPSAS 2, Cash Flow Statements*
- *MPSAS 3, Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors*
- *MPSAS 4, The Effect of Changes In Foreign Exchange Rates*
- *MPSAS 5, Borrowing Costs*
- *MPSAS 9, Revenue from Exchange Transactions*
- *MPSAS 11, Construction Contracts*
- *MPSAS 12, Inventories*
- *MPSAS 13, Leases*
- *MPSAS 14, Events After the Reporting Date*
- *MPSAS 16, Investment Property*
- *MPSAS 17, Property, Plant and Equipment*
- *MPSAS 19, Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*
- *MPSAS 20, Related Party Disclosure*
- *MPSAS 21, Impairment of Non-Cash Generating Assets*
- *MPSAS 22, Disclosure of Financial Information*
- *MPSAS 23, Revenue from Non-Exchange Transactions (Taxes and Transfers)*
- *MPSAS 24, Presentation of Budget Information in Financial Statements*
- *MPSAS 25, Employee Benefits*
- *MPSAS 26, Impairment of Cash-Generating Assets*
- *MPSAS 27, Agriculture*
- *MPSAS 28, Financial Instruments: Presentation*
- *MPSAS 29, Financial Instruments: Recognition and Measurement*
- *MPSAS 30, Financial Instruments: Disclosure*
- *MPSAS 31, Intangible Assets*
- *MPSAS 32, Service Concession Arrangements: Grantor*

Nota-nota kepada Penyata Kewangan 31 Disember 2021 *Notes to the Financial Statements 31 December 2021*

- MPSAS 33, Kali Pertama Penggunaan Asas Akruan MPSAS
- MPSAS 34, Penyata Kewangan Berasingan
- MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan
- MPSAS 36, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama
- MPSAS 37, Pengaturan Bersama
- MPSAS 38, Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain

2.3. Asas pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 3.

2.4 Mata wang persembahan dan fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia (RM), iaitu mata wang fungsian untuk LLM.

2.5 Anggaran dan pertimbangan perakaunan signifikan

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terlibat.

Tiada bahagian signifikan dalam ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

2.6 Maklumat bajet

Penyata perbandingan bajet dan amaun sebenar tidak dinyatakan di penyata kewangan ini kerana bajet LLM diputuskan tidak disiarkan secara umum.

- *MPSAS 33, First-Time Adoption of Accrual Basis MPSASs*
- *MPSAS 34, Separate Financial Statements*
- *MPSAS 35, Consolidated Financial Statements*
- *MPSAS 36, Investments in Associates and Joint Ventures*
- *MPSAS 37, Joint Arrangements*
- *MPSAS 38, Disclosure of Interest in Other Entities*

2.3. Basis of Measurement

The financial statements have been prepared using the historical cost basis unless otherwise disclosed in Note 3.

2.4. Presentation and Functional Currency

The financial statements are presented in Ringgit Malaysia (RM), the functional currency for the HAM.

2.5. Significant Accounting Estimates and Judgements

The preparation of financial statements that comply with MPSAS requires management to make judgements, estimates and assumptions that affect the application of accounting policies and the reported amount of assets, liabilities, income and expenses. Actual results may differ from these estimates.

Underlying estimates and assumptions are reviewed on an ongoing basis. Revisions to accounting estimates are recognised in the period in which the estimates are revised and in any future periods affected.

There is no significant areas of estimation uncertainty and critical judgement in the application of accounting policies that have a significant effect on the amounts recognised in the financial statements other than as disclosed in the notes to the financial statements.

2.6. Budget information

The comparative statement of budget and actual amount is not disclosed in the financial statements as the budget of the HAM was decided not to be published publicly.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan 31 Disember 2021 *Notes to the Financial Statements 31 December 2021*

3. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam tempoh tahun kewangan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.1. Instrumen kewangan

3.1.1. Aset kewangan

a) Pengiktirafan dan pengukuran asal

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, LLM menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen berkenaan.

Pengkelasan aset kewangan adalah bergantung kepada tujuan aset kewangan berkenaan diperolehi.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah, bagi aset kewangan tidak direkod pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit, kos transaksi yang terlibat dalam perolehan aset kewangan tersebut.

b) Pengukuran berikutan

Penilaian berikutan untuk aset-aset kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit

Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit termasuk aset kewangan dipegang untuk diniagakan dan aset kewangan yang ditetapkan diwaktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperolehi bagi tujuan jualan atau belian semula di masa terdekat. Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit dinyatakan ke Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai saksama yang mana perubahan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

3. SUMMARY OF SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES

The following accounting policies have been applied consistently during the financial year presented in the financial statements, unless otherwise stated.

3.1. Financial instruments

3.1.1. Financial assets

(a) Initial recognition and measurement

Financial assets are recognised in the statement of financial position when, and only when, the HAM becomes a party to the contractual provisions of the instrument.

The classification of financial assets depends on the intention for which the financial assets are acquired.

Financial instruments are recognised initially at fair value plus, in the case of financial assets not recorded at fair value through surplus or deficit, transaction costs that are attributed to the acquisition of the financial assets.

(b) Subsequent Measurement

Subsequent measurement of financial assets depends on their respective classifications.

Financial asset at fair value through surplus or deficit

Financial assets at fair value through surplus or deficit include financial assets held for trading and financial assets designated upon initial recognition at fair value through surplus and deficit. Financial assets are classified as held for trading if they are acquired for the purpose of sale or repurchase in the near term. Financial assets at fair value through surplus or deficit are recognized in the statement of financial position at fair value for which changes are recognized in surplus or deficit

Nota-nota kepada Penyata Kewangan 31 Disember 2021 *Notes to the Financial Statements 31 December 2021*

Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terluas menggunakan kaedah faedah efektif, selepas penjejasan nilai.

Loan and receivables

Loans and receivables are non-derivative financial assets with fixed or determinable payments schedule that are not quoted in an active market. Such financial assets are subsequently measured at amortised cost using the effective interest method, net of impairment.

(c) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperoleh tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(c) Derecognition

A financial asset or part of it is derecognized when, and only when, the contractual rights to cash flows from the financial asset expire or the financial asset is transferred to another party without retaining substantially control or the risks and rewards of the asset at a significant quantum. On derecognition of a financial asset, the difference between the carrying amount and the amount of consideration received (including any new acquired less any new liability acquired) is recognised in surplus or deficit.

(d) Penjejasan nilai untuk aset kewangan

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami penjejasan nilai. Aset kewangan dianggap mengalami penjejasan nilai apabila terdapat bukti objektif tentang penjejasan nilai disebabkan kejadian selepas tarikh taksiran awal yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai hadapan.

(d) Impairment of financial assets

An assessment is made at each reporting date to determine whether there is objective evidence that financial assets is impaired. A financial asset is deemed to be impaired when there is objective evidence of impairment due to events after the date of initial assessment that affect the estimated future cash flows.

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian penjejasan nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, pertimbangan dibuat ke atas faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

To determine whether there is objective evidence that an impairment loss on financial assets has been incurred, consideration is made on several factors such as the probability of insolvency or significant financial difficulties of the debtor and default or significant delay in payments.

3.1.2 Liabiliti kewangan

(a) Pengiktirafan dan pengukuran asal

Liabiliti kewangan pada asalnya diukur sama ada pada nilai saksama sekiranya liabiliti kewangan berkenaan tidak diiktiraf pada asalnya pada nilai saksama melalui

3.1.2. Financial liabilities

(a) Initial recognition and measurement

Financial liabilities are initially measured either at fair value if the financial liability is not initially recognized at fair value through surplus or deficit, together with transaction

Nota-nota kepada Penyata Kewangan 31 Disember 2021 *Notes to the Financial Statements 31 December 2021*

lebih atau defisit, bersama dengan kos transaksi yang menyumbang secara langsung terlibat bagi menerbitkan liabiliti kewangan tersebut.

(b) Pengukuran berikutnya

Selepas pengukuran awal, kesemua liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas.

(c) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi telah dipisah keluar, dibatal atau tamat.

Apabila liabiliti kewangan sedia ada ditukar dengan yang lain oleh pemiutang yang sama pada terma yang ketara perbezaannya, atau terma liabiliti sedia ada dimodifikasi secara ketara, pertukaran atau modifikasi berkenaan dikaedahkan sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan di antara nilai bawaan diiktiraf ke lebih atau defisit.

3.1.3 Hapus silang (Ofset) instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan dihapus silang dan nilai bersih dilaporkan di penyata kedudukan kewangan sekiranya terdapat hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan untuk menghapus silang amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan secara asas bersih, atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

3.2 Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai adalah tunai di tangan, baki dalam bank dan pelaburan jangka pendek cair yang sedia ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui.

3.3 Hartanah, loji dan peralatan

(a) Pengiktirafan dan ukuran

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susut nilai dan penjejasan nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Apabila terdapat bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan peralatan mempunyai anggaran usia penggunaan yang berbeza, bahagian berkenaan akan dikaedahkan sebagai aset berasingan.

costs that is directly attributable in issuing the financial liability.

(b) Subsequent measurement

After initial measurement, all financial liabilities are measured at amortized cost.

(c) Derecognition

A financial liability is derecognised when the obligation under the liability is discharged or cancelled or expires.

When an existing financial liability is replaced by another from the same creditor on substantially different terms, or the terms of an existing liability are substantially modified, such an exchange or modification is treated as a derecognition of the original liability and the recognition of a new liability, and the difference in the respective carrying amounts is recognized in surplus or deficit.

3.1.3. Offset Financial Instruments

Financial assets and financial liabilities are offset and the net amount is reported in the statement of financial position if, and only if, there is a currently enforceable legal right to offset the recognised amounts and there is an intention to settle on a net basis, or to realise the assets and settle the liabilities simultaneously.

3.2. Cash and cash equivalents

Cash and cash equivalents comprise of cash in hand, cash at bank and highly liquid investments which are readily convertible to known amounts of cash.

3.3. Property, plant and equipment

(a) Recognition and measurement

Property, plant and equipment are stated at cost less accumulated depreciation and accumulated impairment losses.

Cost includes expenditure that is directly attributable to the acquisition of the asset. When significant parts of a property, plant and equipment have different estimated useful lives, those parts are disclosed as separate assets.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan 31 Disember 2021 *Notes to the Financial Statements 31 December 2021*

Ambang permodalan untuk hartanah, loji dan peralatan adalah pada item RM2,000 seunit. Sekiranya aset diperolehi melalui transaksi bukan pertukaran, tanpa sebarang kos atau balasan nominal, aset tersebut pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan boleh diperolehi dan kos tersebut boleh ditaksir dengan munasabah.

Apabila hartanah, loji dan peralatan dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai dibawa aset berkenaan dan akan dikredit atau didebitkan ke lebihan atau defisit, di mana berkenaan.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawa aset berkenaan sekiranya terdapat manfaat ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dinikmati pada masa hadapan dan kos berkenaan boleh diukur dengan wajarnya. Nilai bawa untuk komponen yang ditukar dinyahiktiraf ke lebihan atau defisit.

(b) Susut nilai

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza daripada bahagian yang lain, komponen berkenaan disusut nilai secara berasingan.

Susut nilai dibuat menurut kaedah garis lurus untuk melupus kira kos, berasaskan tempoh anggaran usia kegunaan setiap aset. Aset dalam pembinaan tidak disusut nilai.

Tempoh susut nilai tahunan adalah seperti berikut:

Pegangan pajakan tanah
Leasehold land
Bangunan dan kemudahan /
Buildings and facilities
Kenderaan /
Vehicles
Komputer dan peralatan ICT /
Computer and IT equipment
Perabot dan kelengkapan pejabat
Furniture and office equipment

The capitalisation threshold for property, plant and equipment is RM2,000 per item. If an asset is acquired through a non-exchange transaction at no cost or nominal consideration, it is initially recognised at its fair value.

Subsequent costs are included in the carrying amount of the asset or accounted for as a separate asset, if appropriate, only when future economic benefits are associated with the assets, the cost can probably be obtained and the cost can be measured reliably.

Upon disposal of property, plant and equipment, gain or loss arising from the disposal of the asset is determined by comparing proceeds from disposal with the carrying amount of the assets and will be credited or debited to surplus or deficit, where applicable.

The cost of replacing a component of an asset is recognised to the carrying amount of the asset if there are any future economic benefits to the asset and the cost can be measured reliably. The carrying amount of the replaced component is derecognised in surplus or deficit.

(b) Depreciation

Significant components of an asset are considered, and if they have a different useful life than the other parts, those components are depreciated separately.

Depreciation is on a straight-line basis to write off costs based on the estimated useful life of each asset. Assets under construction are not depreciated.

The estimated useful life is as follows:

Sepanjang tempoh pajakan
Over the lease term
50 tahun /
50 years
6 - 8 tahun
6 - 8 years
5 - 10 years
5 - 10 tahun
5 tahun
5 years

Nota-nota kepada Penyata Kewangan 31 Disember 2021

Notes to the Financial Statements 31 December 2021

3.4 Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan terdiri daripada tanah dan bangunan yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya dan tidak diduduki sepenuhnya atau diduduki secara tidak signifikan.

Hartanah pelaburan asalnya dinyatakan pada kos yang termasuk perbelanjaan yang berkait secara langsung untuk mendapatkan aset berkenaan. Hartanah pelaburan yang diperolehi melalui transaksi bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh perolehan.

Hartanah pelaburan kemudian dinilai pada nilai saksama dengan mengiktiraf perbezaan ke untung atau rugi dalam tempoh kewangan berkenaan.

Hartanah pelaburan dinyahiktiraf apabila dijual atau penggunaan dihentikan dan tiada manfaat ekonomi yang akan diperolehi apabila dilupuskan.

Untung atau rugi daripada pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf sebagai lebihan atau kekurangan pada tahun pelupusan.

Apabila hartanah, loji dan peralatan dipindahkan ke hartanah pelaburan akibat pertukaran penggunaan, perbezaan pada tarikh pindahan antara nilai bawaan sebelum pindahan dan nilai saksama aset tersebut diiktiraf secara terus ke ekuiti sebagai penilaian semula hartanah, loji dan peralatan. Walaubagaimanapun, sekiranya keuntungan nilai saksama membalikkan kerugian rosot nilai sebelumnya, untung tersebut diiktiraf sebagai lebihan atau kekurangan.

Apabila penggunaan hartanah pelaburan berubah sebagai contoh diklasifikasikan ke hartanah, loji dan peralatan atau inventori, nilai saksamanya pada tarikh klasifikasi semula menjadi kosnya untuk perakaunan seterusnya.

3.4.1 Kaedah penentuan nilai saksama

Nilai saksama tanah dan bangunan ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

3.4. Investment Properties

Investment properties comprise of land and buildings held for long term rental yields or for capital appreciation or both and are not fully occupied or insignificantly occupied.

Investment properties are measured initially at cost which includes expenditures directly attributable to the acquisition of the investment property. Investment property acquired through a non-exchange transaction is measured at its fair value at the date of acquisition.

Investment properties are subsequently measured at fair value by recognising the difference in gain or loss in the financial period.

Investment properties are derecognised either upon disposal or when the investment property is permanently withdrawn from its use and no future economic benefit or service potential is expected from its disposal.

Gains or losses on disposal of investment properties are recognised as a surplus or deficit in the year of disposal.

